

info

LATIHAN INOVATIF KOPERASI PROGRESIF



BIL 2/2016 • ISSN :0127 - 1023
www.mkm.edu.my

RASI MALAYSIA

kan Ole
ZAINUL
AM KOPERASI & KEP
AN



KONVOKESYEN MKM KE-20

Perniagaan Farmasi:
Potensi Kepada Koperasi

08

12

Rahsia Meningkatkan
Hasil Pengeluaran Sawit





EVOLUTION
OF COOPERATIVE
EDUCATION



PENDAFTARAN KINI DIBUKA



DAFTAR
SEKARANG



TAJAJAN PENGINAPAN
1 TAHUN



TAJAJAN PENGGUNAAN
IPAD MINI



SKIM LATIHAN KERJAYA
KOPERASI

Program yang ditawarkan

- A-Level
(MKA, (M) 800-4-5-200)
- Asasi Sastera
- Diploma Pengurusan Koperasi
(MKA, (M) 800-4-5-200)
- Diploma Pengajian Perniagaan
- LCCI International Qualifications
- BTEC-HND in Business

Program kemahiran

- Pakar Keusahawanan Estetik Terapi (PATE) - BeauBelle
- Kimpalan - IMM (3G)
- Juruteknik Sistem Komputer
(IT 020-3)
- Sijil keusahawanan - Segi University
- Pengurusan perniagaan - Westgate
- Pearson Versant English Placement test

TENTANG KOLEJ

Kolej iCOOP merupakan subsidiari milik penuh Maktab Koperasi Malaysia, sebuah agensi kerajaan di bawah KPDNKK.



+6019-293 6552

Alamat : No 21, Wisma IEM, Jalan Selangor 46050 Petaling Jaya Selangor.

Pengiktirafan :



Kerjasama :



NAMA <jarak> RESULT <jarak> NoKP
& SMS KE 011-2917 6552

REGISTER NOW



Online Application
www.icoop.edu.my

Dari Meja KETUA PENGARAH

Syukur Alhamdulillah pujian bagi Allah atas segala nikmat dan limpah kurniaNya, dapat kita sekali lagi bertemu dalam terbitan INFO yang terbaru. Semoga naskah kali ini dapat memberi pelbagai maklumat dan paparan peristiwa terkini bagi tatapan semua.

Istiadat Konvokesyen MKM ke-20 yang berlangsung pada 30 Mei 2016, telah melakar sejarah baru buat MKM, kerana julung kalinya diadakan di Dewan Serbaguna KPDNKK, sebagai penghormatan kepada KPDNKK yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan kemajuan gerakan koperasi di Malaysia.

Info MKM kali ini juga meninjau potensi perniagaan sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan yang semakin mendapat perhatian para koperator sejak akhir-akhir ini. termasuklah perniagaan farmasi, yang turut dikenal pasti mempunyai masa depan yang cerah dan memberi pulangan pelaburan yang baik. Potensi sektor perladangan khususnya kelapa sawit juga tidak dinafikan dan merupakan penyumbang penting komoditi negara di peringkat antarabangsa.

Selain itu, Sambutan Ulang Tahun Jubli Intan MKM terus disemarakkan dengan pelbagai aktiviti menarik. Satu pertandingan bola sepak 9 sebelah Piala Ketua Pengarah telah diadakan pada 19 Mac 2016 bertempat di Padang Astaka, Petaling Jaya. Pertandingan tersebut telah disertai oleh 16 pasukan bola sepak wakil koperasi sekitar Lembah Kelang. Sambutan Ulang Tahun diteruskan dengan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti yang telah diadakan di Cameron Highlands pada 16-18 Mei 2016 dengan penganjuran Kembara Koperasi PJ-Cameron dan Program CSR 'Cintai Alam Semula Jadi'.

Diharap semua akan terus membaca serta menyokong INFO MKM dan banyak lagi paparan dan berita terkini yang akan menyusul.

Sekian dan salam.

Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik
Ketua Pengarah
Maktab Koperasi Malaysia

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik
Ketua Pengarah

KETUA EDITOR

Pn. Hjh. Julia Bee binti Ramjan
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

EDITOR

En. Nasharuddin bin Mohd. Ali
Pengarah Unit Komunikasi Korporat

WAKIL SEKTOR/PUSAT/ZON/BAHAGIAN/UNIT

Pn. Salwana Ali
Sektor Perkhidmatan Kewangan dan Perbankan

En. Mohd Faisal Shariff
Sektor Perladangan dan Asas Tani

Pn. Sharifah Suzaida Saedin
Sektor Hartanah (Perumahan) dan Industri Pembinaan

Pn. Noor Shafeeza bt. Zainuddin
Sektor Pemborongan dan Peruncitan

En. Muhammad Afnan Hasim
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Pn. Farahaini Mohd. Hanif
Pusat Penyelidikan dan Konsultasi

Pn. Aslamiah Ali
Pusat Teknologi Maklumat

Cik Dinah Nabilah Mokhtaruddin
Pusat Dasar dan Antarabangsa

Cik Siti Hajar Saey
Pusat Pembangunan Komuniti

Pn. Rohalinda Ahad
Zon Tengah

Pn. Yusnita Othman
Zon Utara

Cik Nur Hafieza Hashim
Zon Timur

Encik Dino Faizal Abdullah
Zon Selatan

En. Jaibit Jaudin
Zon Sabah

Pn. Syarifah Rohaya Wan Idris
Zon Sarawak

Pn. Nor Azila Md. Tauhid
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

En. Abdul Razak Osman
Unit Integriti

Pn. Nuur Fadzillah binti Zulkepli
Unit Komunikasi Korporat

En. Faiz Ahmad Yafim
Kelab Sukan dan Sosial

PENYELARAS

Pn. Afiza Abdul Karim
Unit Komunikasi Korporat

Cik Nur Azirah Kamaru'z Zaman
Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK)

PENCETAK

Giga Wise Network Sdn Bhd
No. 74, Jalan Kapar 27/89
HICOM Heavy Industrial Park,
Seksyen 27
40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Email: gigawisenet@yahoo.com
Phone: 03-5191 1115
Fax: 03-5191 1004
www.gigaprint2u.com



04



10

EKSKLUSIF

04 Konvokesyen MKM Ke-20

FOKUS

08 Perniagaan Pelancongan Potensi Kepada Koperasi

10 Perniagaan Farmasi: Potensi Kepada Koperasi

12 Rahsia Meningkatkan Hasil Pengeluaran Sawit

14 Rahsia Kejayaan Bisnes & Pembelajaran Online

15 Wanita Minda Baharu dalam Gerakan Koperasi

16 Pemikiran Kreatif Meneraju Inovasi Dalam Koperasi



12

PERSPEKTIF

18 Kursus Aplikasi Teknik Rawatan Penjagaan Diri

20 Kursus Asas Simpan Kira (Khas) Untuk Koperasi Lembaga Minyak Sawit Malaysia

22 Kolokium 2016

TEMUBUAL TOKOH

24 Tembual Bersama Pengerusi Lembaga Pengarah MKM

SAMBUTAN JUBLI INTAN

29 Kembara Koperasi PJ - Cameron

30 Program Cintai Alam Semula Jadi

32 Pertandingan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah

JARINGAN

34 MKM Bantu Koperasi PKNS Merencana Pelan Transformasi Koperasi

36 Koperasi Perumahan Melayu Perak Bhd Terima Sentuhan Konsultasi MKM

37 Perlawanan Badminton eratkan hubungan Bank Rakyat - MKM



43



32

KANDUNGAN

LAWATAN

- 38 Program Sangkutan Pegawai SPP MKM di SKOMK
- 40 Wakil Universiti Hanshin Berkunjung ke MKM
- 41 Delegasi Jabatan Koperasi Bangladesh ke MKM
- 43 Lawatan Ke KOBERA Gambir Ledang Bhd dan KOPRIS

BERITA ZON

- 45 Kepentingan CSR dalam Koperasi
- 46 Konvensyen Mikro Kredit : Memperkasakan Ekonomi Anggota Koperasi
- 48 Perkasakan Koperasi Menerusi Teknologi e- Pembayaran
- 49 Majlis Pelancaran Penyuburan Budaya Keusahawanan oleh Tengku Mahkota Pahang
- 50 Program Penggalakan Koperasi Belia Zon Timur 2016
- 51 Lawatan Muhibah Ke Koperasi Felda Ulu Tebrau Johor Bahru Berhad
- 52 Semakan Akta Koperasi 1993
- 53 Seminar "Coop: Build A Better World"
- 56 Lawatan Kerja Warga MKM ke Koperasi Bidang Keberhasilan di Sandakan, Sabah
- 59 Indahnya Wanita Bersama MKM
- 60 Bicara Ilmu Ramadan: Menjelang Usia Bersara

BERITA KAKITANGAN

- 62 Hari Inovasi MKM 2016

BULETIN PELAJAR

- 64 Anjakan Paradigma Belia Dalam Kepimpinan Koperasi
- 66 Anugerah Kecemerlangan Akademik Program Jangka Panjang MKM
- 67 Kem Motivasi Belia Koperasi (Gen- Y)
- 69 Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi

GALERI

- 71 Hari Integriti dan Inovasi MKM 2016
- 72 Kembara Koperasi PJ - Cameron
- 74 Konvokesyen MKM Ke-20
- 76 Pertandingan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah



72



esuen
MALAYSIA

ZAINUD
PERKOPERASI & KEPEN

Konvokesyen MKM Ke-20 Mengukir Sejarah di KPDNKK

Siti Hajar Sa'ady (Pusat Pembangunan Komuniti)

Konvokesyen Maktab Koperasi Malaysia (MKM) ke-20 bagi meraikan pelajar program jangka panjang MKM buat julung kalinya telah diadakan di Dewan Serbaguna KPDNKK, Putrajaya pada 31 Mei 2016. Konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 108 graduan menerima Diploma Pengurusan Koperasi (DPK). Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Konvokesyen ini turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YBhg. Dato' Sri Jamil Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) YBhg. Dato' Basaruddin Bin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha (Francais & Kepenggunaan) YBhg Dato' Hj Razali Bin Othman, Pengerusi Lembaga MKM YBhg Prof Datuk Mohd Yusof Kasim, Ketua Pengarah MKM, YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik dan tetamu-tetamu jemputan. Seramai lebih 400 orang tetamu hadir yang terdiri daripada para pelajar, Anggota Lembaga Pengarah MKM, wakil-wakil agensi di bawah KPDNKK, wakil media, para pensyarah MKM dan juga ibu bapa graduan yang diraikan.

Majlis telah dimulakan dengan perarakan masuk para graduan, perarakan akademik dan dif-dif kehormat diiringi dengan paluan gamelan. Penyampaian kata-kata aluan telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. Ucapan tahniah diberikan kepada para graduan yang telah berjaya bergraduasi. Melalui ucapan beliau, dimaklumkan ramai graduan yang lahir dari MKM

Seramai 60 orang (55.55%) graduan daripada 108 graduan Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) telah ditawarkan pekerjaan.

berjaya menempah nama di alam pekerjaan terutamanya dalam bidang koperasi. Seramai 60 orang (55.55%) graduan daripada 108 graduan Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) telah ditawarkan pekerjaan. Ini membuktikan MKM berjaya menghasilkan pelajar yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Standard kualiti yang diterapkan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran juga menjadi salah satu asas utama dalam menghasilkan modal insan yang kompeten. Diharapkan para graduan dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan dan kejayaan negara dalam penghasilan idea yang kreatif dan inovatif terutamanya dalam sektor koperasi.





Wajah ceria graduan

Pengisytiharan Penganugerahan Diploma Pengurusan Koperasi disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Dalam ucapan perasmian, beliau melahirkan rasa gembira dengan kejayaan para graduan. Peningkatan graduan yang berjaya dihasilkan oleh MKM dilihat sebagai satu titik positif dalam membantu gerakan koperasi selaras dengan Dasar Koperasi Negara (DKN). Beliau juga berharap para graduan dapat menyumbang khidmat kepada sektor koperasi negara dan terus mempertingkatkan mutu kualiti sektor ini dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Selain itu, beliau juga yakin usaha MKM untuk menjadi universiti koperasi kelak akan tercapai dengan jayanya.

Seramai 108 pelajar telah dianugerahkan diploma. Konvokesyen kali ini menyaksikan pengisytiharan Saudara Ahmad Sofiyuddin bin Zakaria sebagai graduan cemerlang, yang mendapat PNGK 3.87 serta penglibatan beliau yang aktif dalam bidang ko-kurikulum. Beliau telah diberi penghormatan untuk memberi ucapan sebagai wakil graduan dalam majlis ini. Dalam ucapannya, beliau berterima kasih kepada pihak yang terlibat sepanjang pembelajarannya di MKM. Beliau menegaskan peranan semua pihak adalah faktor utama kejayaan para pelajar, antaranya para pensyarah yang sangat membantu pelajar di samping pembelajaran di MKM yang sangat fleksibel. Penganugerahan ini juga sebagai satu penanda aras kepada pelajar-pelajar lain dalam mencapai kejayaan di masa hadapan.

Perarakan masuk Lembaga MKM



Graduan mengambil peluang bergambar bersama YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin



Selamat Bergraduati



Secara keseluruhannya, Konvokesyen MKM ke-20 ini ternyata telah menjadi pencetus semangat kepada para graduan untuk menabur khidmat atas ilmu yang telah diperolehi terutamanya dalam bidang koperasi. Penganugerahan Diploma ini wajar dijadikan satu platform agar graduan sentiasa mengambil peluang yang telah diberikan dan dijadikan titik tolak untuk menjadi modal insan yang lebih baik pada masa akan datang. Para graduan diharap dapat menjadikan segala ilmu yang diperolehi sebagai satu wadah dalam menjadi insan yang lebih bermanfaat terutamanya kepada agama, bangsa dan negara. Mereka juga bertindak sebagai duta kecil MKM dan diharap dapat menjadi model terbaik kepada masyarakat luar serta

perlu bersifat agresif dalam menyalurkan sumbangan kepada negara selaras dengan Teras Strategik Ke-III Dasar Koperasi Negara iaitu mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi.

Semoga segala ilmu dan pengalaman sepanjang belajar di MKM digunakan dalam bidang yang diceburi.

TAHNNIAH Graduan MKM !!!

Perniagaan Pelancongan: Potensi Kepada Koperasi

Noranita Mohd Nor (Pengarah Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan)

Pada 26 Januari 2016, telah berlangsung Bicara Profesional bertajuk "Perniagaan Pelancongan: Potensi Kepada Koperasi" anjuran Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di Cinta Sayang Resort, Sungai Petani, Kedah. Program ini telah dihadiri oleh 150 orang peserta dari sekitar negeri Kedah dan Pulau Pinang. Program ini telah dirasmikan oleh Pn. Aishah Ariffin, Pengarah Kanan Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan MKM. Turut hadir ialah En. Sha'arani Miskat, Ketua Cawangan Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK) Cawangan Sungai Petani dan Tn. Hj Munir Badrul Jamil, Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Kedah.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai potensi perniagaan pelancongan dan mewujudkan jaringan antara koperasi dengan usahawan pelancongan serta merancang kerjasama strategik dalam sektor ini dalam kalangan koperasi. Kertas Kerja Bicara Profesional telah dibentangkan oleh Tn. Hj Ridzuan Salim, Pengurus Wilayah, TH Travel & Services Sdn Bhd yang menyentuh kepada operasi agensi pelancongan, faktor kejayaan dalam perniagaan pelancongan, persekitaran pelancongan, strategi pemasaran, jenis pelanggan, jenis-jenis produk pelancongan dan lain-lain lagi.



Ucapan Perasmian oleh Pn. Aishah Ariffin



Tn. Hj Ridzuan Salim dan Cik Noraesyah Saari semasa sesi soal jawab

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja, sesi soal jawab bersama peserta menyusul bagi mendapatkan maklum balas dan perkongsian pandangan terhadap tajuk yang dibentangkan. Segala pandangan dan maklum balas yang dikemukakan akan dibawa ke pihak yang berkenaan dalam usaha memajukan lagi gerakan koperasi di Malaysia, terutamanya dalam sektor pelancongan.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bahawa perniagaan pelancongan mampu menjana pendapatan koperasi termasuk anggota-anggota koperasi. Oleh yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka kepada program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.



Sesi soal jawab peserta bersama pembentang



Perniagaan Farmasi: Potensi Kepada Koperasi

Juliana Hj Md Yusop (Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan)

Penglibatan gerakan koperasi dalam aktiviti perniagaan kedai farmasi masih pada tahap permulaan. Di seluruh Malaysia terdapat kurang daripada lima buah koperasi yang dikenal pasti sedang menjalankan aktiviti tersebut, antaranya Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad dan Koperasi Warga USM Kelantan Berhad. Bernama melaporkan nilai pasaran tahunan bagi sektor farmaseutikal dan penjagaan diri di Malaysia, masing-masing berjumlah RM11.9 bilion dan RM7 bilion. Malah prospek perniagaan sektor ini mempunyai masa depan yang cerah dan dijangka akan mengekalkan kadar pertumbuhan 10 peratus setiap tahun walaupun terdapat ketidakpastian dalam ekonomi global. Ini disebabkan oleh peningkatan tahap kesedaran orang ramai mengenai kepentingan gaya hidup sihat serta pemilihan makanan tambahan dan semula jadi (2015).

Menyedari akan prospek perniagaan yang ditawarkan oleh sektor penjagaan diri dan kesihatan khususnya farmasi, Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan,

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) mengambil inisiatif mengadakan Program Bicara Profesional bertajuk "Perniagaan Farmasi: Potensi Kepada Koperasi" pada 17 Mac 2016 bertempat di Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam, Selangor. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik. Peserta yang hadir adalah seramai 112 orang. Bicara Profesional ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para koperator mengenai potensi perniagaan farmasi serta farmasi komuniti.

Dua orang pembentang kertas kerja yang sememangnya pakar dan terlibat secara langsung dalam industri farmasi telah dijemput bagi berkongsi input dan pengalaman mereka mengenai bidang perniagaan farmasi. Pembentang kertas kerja pertama iaitu En. Munaver Ahmad, Pengarah Urusan Salphy Pharmacy Sdn Bhd merangkap Pengerusi Malaysian Community Pharmacist Guild (MCPG) Kuala Lumpur dan Selangor bagi tahun 2016 hingga 2018 telah menerangkan potensi perniagaan farmasi kepada para peserta. Dalam pembentangan

tersebut beliau mencadangkan model perniagaan farmasi komuniti yang boleh digunakan oleh koperasi yang berminat untuk menceburi perniagaan tersebut. Manakala, pembentang kedua iaitu En. Amrahi Bin Buang, Timbalan Presiden, Persatuan Farmasi Malaysia, telah menerangkan secara terperinci mengenai farmasi komuniti serta amalannya kepada para koperator yang hadir. Menurut beliau, antara fungsi utama farmasi terhadap komuniti adalah mendispensi ubatan, memberi kaunseling ubatan, melaporkan kesan kemudaratan ubat serta menyampaikan maklumat dan pendidikan kepada masyarakat mengenai isu kesihatan seperti denggi, rokok, vape dan isu rintangan antibiotik.



Encik Amrahi Bin Buang sedang membentangkan kertas kerja bertajuk Amalan Farmasi Komuniti



Pn. Noranita Mohd. Nor bersama panel pembentang; En. Amrahi dari Persatuan Farmasi Malaysia dan En. Munaver dari Salphy Pharmacy Sdn. Bhd



Antara koperator yang hadir

Kesimpulannya, Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan MKM akan sentiasa komited untuk menawarkan program pendidikan berkaitan penjagaan diri dan kesihatan kepada gerakan koperasi di Malaysia. Diharap koperasi yang telah menceburi perniagaan berkaitan penjagaan diri dan kesihatan dapat melonjakkan perolehan koperasi bagi mencapai sasaran RM50 bilion pada tahun 2020.



Rahsia Meningkatkan Hasil Pengeluaran Sawit

Dalam Cabaran Semasa

Mohd Nusi Abdul Rahman (Sektor Perladangan & Asas Tani)

Program Bicara Profesional 'Rahsia Meningkatkan Hasil Pengeluaran Sawit Dalam Cabaran Semasa' telah diadakan pada 14 April 2016 (Khamis) di Lotus Desaru Beach Resort & Spa, Desaru Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor anjuran Sektor Perladangan & Asas Tani (SPAT), MKM. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, YBhg. Prof Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik dengan kehadiran peserta seramai 189 orang yang mewakili 59 koperasi di seluruh Malaysia dengan majoriti koperasi dari Johor. Tetamu jemputan yang turut hadir ialah En. Hasnan bin Hj. Mustapha, Pengurus Besar Sektor Peneraju Pertanian & Industri Asas Tani dan Sektor Peneraju Perladangan, ANGKASA Ibu Pejabat, En. Syamsulbhari bin Che Hamid, Wakil Pengurus Besar FELDA Wilayah Johor Baru, En. Muhamad Shahrull Nizam bin Abd Razak, Penolong Pengarah SKM Wilayah Kota Tinggi mewakili Pengarah SKM Negeri Johor dan En. Mohd. Razalie Raffae, Pengarah MKM Zon Selatan.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai cabaran mengurus ladang sawit koperasi dalam cabaran semasa dan mengenal pasti teknik meningkatkan pengeluaran hasil sawit bagi memberi pulangan maksimum kepada koperasi dan anggota. Penceramah yang dijemput ialah Pengurus Khidmat Nasihat Agronomi, Felda Agricultural Sdn Bhd, En. Mohd Shafirun bin Mohd Azba dengan moderator program oleh Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM, Tn. Haji Ramlan Bin Kamsin.

Secara keseluruhannya, program Bicara Profesional ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran peserta melebihi 100% kehadiran daripada yang dianggarkan. Para peserta yang hadir amat berpuas hati dengan pelbagai soalan dan cadangan yang dikemukakan ketika program ini berlangsung. Pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan berkaitan isu dan cabaran dalam meningkatkan hasil sawit



Tetamu kehormat dan para peserta mengaminkan doa untuk keberkesanan Bicara Profesional

dengan akhirnya pulangan yang maksimum kepada koperasi amat menggalakkan dan begitu mendapat perhatian daripada para peserta. Rata-rata peserta merasakan ilmu dan pengetahuan yang disampaikan amat bertepatan dengan mereka yang menceburi sektor perladangan kelapa sawit.

Selain itu, tetamu jemputan dari SKM, ANGKASA dan FELDA yang turut hadir menjayakan program ini menunjukkan komitmen yang tinggi dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pengurusan ladang sawit serta memperkasa pendapatan aktiviti perladangan dan asas tani koperasi. Mereka juga mengharapkan program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



En. Mohd. Shafrun, Pengurus Agronomi FelDA Agriculture Sdn. Bhd., berkongsi rahsia meningkatkan hasil pengeluaran sawit

Rahsia Kejayaan Bisnes & Pembelajaran Online

Nor Aslamiah Ali (Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi)

Pada 25 Mei 2016, berlangsung program Bicara Profesional dengan tajuk "Rahsia Kejayaan Bisnes & Pembelajaran Online" yang dianjurkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Program ini diadakan di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam dan dihadiri oleh seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada warga koperasi sekitar Lembah Klang dan telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM.

Objektif program ini adalah untuk memberikan kefahaman dan pengetahuan mengenai manfaat perniagaan online dan e-pembelajaran serta teknik-teknik untuk berjaya dalam perniagaan online. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan idea-idea baru berkaitan perniagaan secara online antara peserta dengan pihak penganjur.

Penceramah jemputan bagi program ini ialah Tuan Irfan Khairi, dari Irfan Khari Sdn. Bhd. Beliau merupakan seorang usahawan Internet yang berjaya, personaliti TV dan juga radio. Tuan Irfan Khairi telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Internet Sebagai Media Promosi dan Sumber Informasi".

Secara keseluruhannya, program ini mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta. Kebanyakannya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan dan diadakan lebih kerap supaya warga koperasi memperoleh pengetahuan dalam membantu meningkatkan ekonomi anggotanya.



Antara peserta yang hadir



Tn. HJ. Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM sedang memberikan ucapan perasmian

Wanita Minda Baharu Dalam Gerakan Koperasi

Nor Fadhilah bt Mohd (Pusat Pembangunan Komuniti)

Pada 2 Jun 2016, Pusat Pembangunan Komuniti telah menganjurkan satu Bicara Profesional (BP) bertajuk Wanita Minda Baharu Dalam Gerakan Koperasi. Sasaran peserta BP ini adalah anggota koperasi dan badan-badan NGO dalam kalangan wanita. Ia telah diadakan di The Zenith Hotel dan dihadiri oleh 124 orang peserta sekitar negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu. BP ini diadakan bertujuan untuk membantu anggota koperasi wanita mendapat pengetahuan mengenai potensi diri serta bakat yang ada bagi memajukan koperasi. Selain itu juga, ia turut diadakan bagi membentuk koperator wanita yang berdaya saing dan kreatif dalam merangka strategi perniagaan serta dapat membangunkan ciri keusahawanan wanita dalam gerakan koperasi.

Majlis perasmian BP ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang. Melalui ucapan beliau, para peserta diingatkan bahawa koperasi mampu membantu anggota dalam meningkatkan sosioekonomi dan pendapatan mereka. Selain itu, dengan sifat semula jadi wanita yang sentiasa ingin tahu perkara baru, ianya boleh diguna pakai untuk mencari idea baru dalam membantu mencapai visi dan misi koperasi.

Seterusnya, slot pertama dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Datin Seri Paduka Dr. Hjh. Jamilah binti Haji Din, Timbalan Pengerusi, Koperasi Kakitangan Maktab Koperasi Malaysia dengan ceramah yang bertajuk "Mengetahui Potensi Diri dan Bakat Dalam Gerakan Koperasi". Pelbagai input yang bermanfaat telah disampaikan; antaranya peranan wanita dalam

koperasi, peluang yang boleh diambil oleh wanita untuk berdaya saing dan sebagainya. Beliau turut menekankan koperator wanita harus mengambil inisiatif untuk melakukan perubahan dalam diri dan seterusnya bermotivasi untuk melakukan yang terbaik demi masa depan koperasi.

Slot kedua pula disampaikan oleh Tn. Syed Al-Bismit, Pengarah Urusan PETAMINDA Holding Sdn Bhd dengan ceramah yang bertajuk "Kuasai Pemasaran, Rahsia Menarik Kekayaan". Antara input bermanfaat yang telah dikongsikan oleh penceramah antaranya adalah strategi merebut peluang melalui pemasaran yang berkesan dan terkini. Para koperator wanita juga disarankan untuk lebih kreatif dalam meluaskan pemasaran agar setanding dengan perniagaan lain. Beliau menegaskan strategi pemasaran haruslah sentiasa berubah mengikut peredaran masa kerana jika masih di takuk yang lama akan menyebabkan produk yang dijual di pasaran tidak mendapat sambutan yang menggalakkan.

Secara keseluruhannya, Bicara Profesional Wanita Minda Baharu Dalam Gerakan Koperasi dilihat berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan golongan wanita yang melibatkan diri dalam bidang koperasi lebih berdaya saing. Maklum balas positif yang diperoleh daripada para peserta juga boleh diambil sebagai penanda aras agar program yang diadakan kelak berjaya memberi manfaat kepada golongan sasaran. Diharapkan agar segala ilmu yang diberikan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan seterusnya lebih ramai golongan wanita yang melibatkan diri dalam koperasi secara aktif.



Pemikiran Kreatif Meneraju Inovasi Dalam Koperasi

Nur Syazwani Bt Zainul Abidin
(Pusat Pembangunan Komuniti)

Pada 2 Mac 2016, Pusat Pembangunan Komuniti, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menganjurkan Seminar Wanita bertajuk Pemikiran Kreatif, Meneraju Inovasi dalam Koperasi. Sasaran peserta seminar ini terdiri daripada anggota koperasi dalam kalangan wanita sahaja serta golongan wanita yang berminat. Seminar ini telah diadakan di Shah Alam Convention Centre Shah Alam Selangor. Seramai 178 peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri daripada 125 orang peserta koperasi, 18 pelajar Ijazah Pentadbiran Perniagaan MKM – UUM dan 35 orang warga kerja MKM. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai pemikiran dan strategi inovasi dalam koperasi di samping membentuk wanita yang berinovasi dan kreatif dalam merangka strategi perniagaan.

Seminar ini telah dirasmikan Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia, YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik. Melalui ucapan beliau, para peserta diingatkan tentang kepentingan berkoperasi kerana melaluinya dapat membantu anggota-anggota meningkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan. Beliau juga memaklumkan melalui statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga tahun 2014, terdapat sebanyak 205 buah koperasi wanita

yang berdaftar dengan jumlah keanggotaan seramai 31,137 orang. Secara keseluruhan koperasi wanita menjana perolehan RM25 juta, aset RM157 juta dengan modal syer atau yuran berjumlah lebih RM23 juta. Selain itu, beliau menyatakan MKM menyokong penuh penglibatan golongan wanita dalam gerakan koperasi dengan menawarkan pelbagai kursus dan seminar untuk golongan wanita bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang yang koperasi ceburi.

Ceramah pertama bertajuk “Jati Diri Anggota Koperasi Wanita” telah disampaikan oleh Dr. Hajah Hayati Md Salleh, Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat. Pelbagai input yang bermanfaat telah disampaikan antaranya mengenai konsep kerjasama, pengertian koperasi, perbezaan koperasi dan syarikat, jati diri anggota koperasi, nilai-nilai koperasi, prinsip-prinsip koperasi serta komponen utama dalam koperasi. Beliau juga berkongsi dengan para peserta pengalaman, cabaran serta kaedah yang digunakan oleh beliau dalam meningkatkan jati diri dalam kalangan anggota koperasi.

Sesi kedua pula disampaikan oleh Pn. Sharifah Aminah Syed Mohssain dari Koperasi Putri Terbilang Malaysia Berhad (KOPUTRI) yang dijemput untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk “Cabaran dan Faktor Kejayaan Koperasi Wanita”. Antara input

yang telah dikongsi adalah cabaran yang dihadapi oleh koperasi wanita, faktor-faktor kejayaan koperasi wanita serta perkongsian beliau mengenai sejarah penubuhan KOPUTRI dan cabaran serta halangan dalam memajukan koperasi. Pn. Sharifah Aminah juga menerangkan kepentingan komuniti berdaya keusahawanan kerana ia dapat mewujudkan rangkaian nilai dalam kalangan anggota, menjana peluang pekerjaan, dapat menggunakan sumber secara optimum dan dapat mengelakkan ketirisan ekonomi. Di samping itu, ia juga sebagai pemangkin kesejahteraan kerana setiap anggota yang terlibat dalam usaha mencipta nilai, akan meningkatkan tahap kesukarelaan, selain mengutamakan matlamat sosial. Para peserta rata-rata tertarik dengan rahsia kejayaan KOPUTRI memajukan koperasi dalam masa yang singkat. Sepanjang sesi ini berlangsung, penceramah juga tidak lokek berkongsi amalan serta rahsia dalam meningkatkan pendapatan koperasi.

Seterusnya, sesi ketiga disampaikan oleh Datin Hajah Normah Ali, Pengarah Pembiayaan dan Kawalan Kredit dari SKM dengan tajuk “Kemudahan Pembiayaan kepada Koperasi”. Penceramah memberi penerangan ringkas mengenai Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi (TMPJPK), cagaran, kadar keuntungan serta tempoh bayaran balik. Beliau turut mencadangkan beberapa cabang perniagaan yang boleh dilakukan oleh anggota koperasi bagi meningkatkan taraf ekonomi anggota. Antaranya pelaburan, pertanian, peruncitan, hartanah, pengurusan majlis dan sebagainya. Selain itu, penceramah mencadangkan agar koperasi sentiasa mengadakan aktiviti berbentuk kemasyarakatan bagi mengeratkan lagi ukhwah sesama anggota dan seterusnya

dapat menambah anggota baru dalam koperasi masing-masing.

Sesi terakhir disampaikan oleh Pn. Rozita Ibrahim, pengasas Sendayu Tinggi & Jamu Ratu Malaya Sdn. Bhd. dengan tajuk “Kreativiti dan Inovasi dalam Perniagaan”. Sesi ini dimulakan dengan perkongsian cerita permulaan penceramah berkecimpung dalam bidang perniagaan. Penceramah menerangkan 12 ciri yang perlu ada bagi seorang usahawan berjaya, serta berkongsi cerita cabaran serta risiko dalam menjalankan perniagaan. Beliau menarik minat peserta apabila membawa suaminya berkongsi cerita mengenai inovasi dalam menghasilkan produk yang terbaru dan kajian-kajian yang dilakukan dalam memperbaharui formula produk bagi menghasilkan produk yang menepati kehendak pelanggan. Di akhir sesi, penceramah memberi nasihat kepada peserta yang ingin menceburi bidang perniagaan agar fokus, tidak pentingkan diri sendiri serta menambah nilai kepada kehidupan orang ramai iaitu meningkatkan taraf kehidupan orang lain.

Secara keseluruhannya, Seminar Wanita : Pemikiran Kreatif, Meneraju Inovasi Dalam Koperasi dilihat berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Semoga seminar seperti ini dapat diteruskan dalam membantu golongan wanita dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan lebih ramai golongan wanita yang melibatkan diri dalam bidang koperasi. Diharapkan agar segala ilmu yang diberikan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan menjadikan peserta modal insan yang kompeten, selain mampu melahirkan koperasi yang diterajui oleh golongan wanita yang menjadi contoh kepada koperasi sedia ada.



Kursus Aplikasi Teknik Rawatan Penjagaan Diri

Muhammad Afnan Hasim (Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan)

Pada 11 hingga 13 April 2016 Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menganjurkan kursus Aplikasi Teknik Rawatan Penjagaan Diri di Norz Beauty House Sdn Bhd, Kuala Lumpur. Kursus ini diadakan untuk mengenal pasti jenis perkhidmatan dalam penjagaan diri dan memberi kefahaman berkaitan kaedah penyediaan pakej perniagaan penjagaan diri.

Kursus ini telah dihadiri oleh 24 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurus dan Tenaga Kerja Kanan Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalam (JAD), Ahli Jawatankuasa Koperasi dan anggota koperasi khususnya dari sekitar Lembah Klang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Terengganu.

Kursus yang telah berlangsung selama tiga (3) hari ini dibahagikan kepada teori dan praktikal. Para peserta telah dibawa ke Norz Beauty Sdn Bhd untuk menjalani latihan praktikal dan peserta didedahkan secara hands on mengenai mini spa dalam perniagaan masa kini, rawatan Facial Aromatherapy dalam spa, rawatan "Hand and Foot Spa" dan tidak ketinggalan juga rawatan "Head and Shoulder Massage". Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk memudahkan mereka melaksanakan sendiri apa yang telah diajar oleh tenaga pengajar.

Pada hari terakhir peserta diberi tugas untuk menyediakan pelan tindakan iaitu kertas kerja berkaitan cadangan pembukaan spa koperasi. Kertas kerja ini merupakan perkara penting yang perlu disediakan oleh



Sesi suai kenal peserta kursus bersama pengasas Norz Beauty Sdn Bhd

koperasi dan ianya akan digunakan bagi mendapatkan kelulusan daripada barisan ALK koperasi. Ilmu dan kemahiran yang telah diperoleh daripada kursus Aplikasi Teknik Rawatan Penjagaan Diri ini boleh dijadikan rujukan dan panduan oleh peserta bagi merangka kertas cadangan pembukaan spa koperasi.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mendapat reaksi yang positif daripada para peserta dan telah mencapai objektifnya. Program ini telah berjaya memberi pendedahan berkenaan perniagaan spa yang boleh diceburi oleh koperasi secara lebih mendalam. Kursus ini juga telah memberikan input yang amat berguna kepada peserta tentang kaedah yang betul dan tepat bagi mengurus dan mengendalikan sesebuah perniagaan spa. Koperasi boleh merebut peluang yang ada terutamanya dalam perniagaan spa bagi meningkatkan pendapatan koperasi amnya serta secara tidak langsung dapat membantu anggota

menambah pendapatan sebagai therapist. Jika koperasi di luar sana berminat untuk mengikuti kursus ini pada masa akan datang, bolehlah berhubung terus dengan Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, MKM atau emailkan pertanyaan kepada pelancongan@mkm.edu.my.



Para peserta kursus sedang melakukan latihan amali



Kursus Asas Simpan Kira Khas Untuk Koperasi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Farahaini Mohd Hanif (Pusat Penyelidikan dan Konsultasi)

Perakaunan merupakan salah satu aspek pengurusan yang amat penting dalam menguruskan koperasi. Simpan kira merupakan asas dalam sistem perakaunan yang melibatkan proses catatan aktiviti perniagaan yang berbentuk kewangan ke dalam buku-buku catatan pertama. Bermula dari aktiviti simpan kira barulah koperasi akan dapat menyediakan penyata kewangan yang akan digunakan dalam membuat keputusan terutama yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Aktiviti simpan kira

kini lebih mudah dengan menggunakan kemudahan ICT melalui perisian seperti Excel.

Pada 18-20 April 2016, satu kursus Asas Simpan Kira diadakan khas untuk pegawai-pegawai Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan pengurus koperasi MPOB dari seluruh Malaysia lanjutan dari aktiviti konsultasi yang diberikan kepada koperasi MPOB. Kebanyakan peserta yang hadir merupakan pengurus koperasi MPOB di sekitar kawasan Pahang, Perak,

Sesi pembelajaran dalam kelas



Selangor, Sabah dan Sarawak. Hampir kesemua Koperasi MPOB baru sahaja menjalankan aktiviti penjualan Buah Tandan Segar (BTS). Oleh itu kebanyakan pengurus koperasi tidak mempunyai kemahiran dalam aspek Asas Simpan Kira terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti jual beli BTS.

Seramai dua orang pegawai latihan kanan MKM, Pn. Farahaini Mohd Hanif dan En. Mohd Shahron Anuar Said telah menjadi tenaga pengajar di kursus ini. Kursus ini telah diadakan di Hotel Gold Coast, Morib dengan peserta seramai 32 orang. Dalam kursus ini semua peserta telah didedahkan dengan teori dan praktikal yang berkaitan dengan asas simpan kira. Modul latihan yang dibangunkan oleh tenaga pengajar MKM adalah berdasarkan dokumen dan rekod kewangan yang diperolehi dari MPOB sendiri dan kesemua contoh bahan latihan adalah diambil berdasarkan aktiviti BTS yang sebenar.

Semua latihan praktikal dibuat melalui perisian Excel bagi memudahkan peserta meneruskan kerja-kerja asas simpan kira di koperasi masing-masing. Ini juga adalah untuk memudahkan koperasi untuk memindahkan data kewangan sekiranya ada koperasi yang bercadang untuk menggunakan perisian komputer seperti UBS, Mr. Accounting atau MYOB pada masa akan datang. Pada akhir kursus peserta diberikan ujian untuk menguji kefahaman berkaitan dengan asas simpan kira dalam kursus ini.



Bahan-bahan latihan yang disediakan oleh MKM

Kolokium 2016

Azmaliza Binti Arifin (Pusat Penyelidikan dan Konsultasi)



Ucapan perasmian YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman, Ketua Pengarah MKM

Penganjuran Kolokium kali ke-8 merupakan satu sumbangan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dalam menyokong daya usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi meningkat dan memantapkan pembangunan serta kedudukan kompetitif sektor koperasi di negara ini. Program ini bukan hanya platform untuk memberi ruang kepada pegawai-pegawai MKM, Kementerian dan Agensi untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang telah diperolehi dari program latihan dan lawatan, serta persidangan antarabangsa di luar negara malah boleh dijadikan pentas untuk kita menjana ilmu dan idea baharu untuk manfaat MKM dan gerakan koperasi di Malaysia.

Kolokium 2016 telah berlangsung selama dua hari mulai 26 hingga 27 Mei 2016 di Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor. Program

ini telah disertai seramai 86 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai MKM, KPDNKK dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Matlamat utama program ini adalah untuk mencetus idea baharu dan memberi nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya memberi manfaat kepada gerakan koperasi di Malaysia. Perkongsian ilmu kali ini turut disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Perniagaan, SKM, En. Mohd Firdaus Hussin membentangkan kertas kerja bertajuk Dasar dan Halatuju Pembangunan Koperasi. Dalam kertas kerja tersebut beliau memberi tumpuan terhadap Dasar Koperasi Negara (DKN) berdasarkan enam sektor dalam bidang keberhasilan untuk memastikan gerakan koperasi mencapai perolehan RM50 bilion menjelang tahun 2020.

Sebanyak 11 kisah kejayaan koperasi dari empat (4) buah negara telah dibentangkan

iaitu negara Jepun, Thailand, Sepanyol, dan Turki, berdasarkan program latihan, lawatan dan persidangan antarabangsa yang dihadiri. Seramai 14 orang pegawai latihan MKM terlibat membentangkan kisah kejayaan tersebut mengikut bidang keberhasilan iaitu sektor peruncitan, pelancongan, pertanian, perkhidmatan dan sektor kewangan. Sesi pembentangan ini juga turut disertai oleh Ahli Lembaga MKM, Ybhg. Datin Paduka Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad dengan tajuk **Koperasi: Dimensi Sebenar** berdasarkan pengalaman beliau ketika menghadiri persidangan antarabangsa di Turki.

Program ini telah membuka minda peserta bahawa perkembangan dan kejayaan koperasi luar negara boleh menjadi panduan dan amalan pengurusan terbaik kepada gerakan koperasi di Malaysia. Hasil daripada program ini diharapkan dapat memberi input kepada pegawai-pegawai MKM, Kementerian dan agensi untuk menjana idea-idea baru sama ada dalam bentuk polisi atau perancangan yang praktikal untuk merangsang pembangunan koperasi serta menyumbang ke arah meningkatkan keupayaan modal insan dalam gerakan koperasi.



Pembentang 5 :
En. Shamsul Khairi Abu Hassan & En. Yusri Tarip
Hokubu Clean Culture Group, Jepun



Pembentang 7:
Cik Sharina Abdullah,
Insititusi Perlindungan
Pekerja Koperasi,
Sepanyol



Pembentang 10:
Pn. Shafeeza,
Kunjungan Hormat MKM
ke Koperasi Tarim Kredi,
Antalya Turki



Peserta Program Kolokium 2016

YBhg. Datuk Profesor Mohd. Yusof Kasim

Pengerusi
Lembaga Pengarah MKM

Afiza Abdul Karim dan Nur Azirah Kamaru'z Zaman (Unit Komunikasi Korporat)

Menyingkap peranan dan tanggungjawab berat yang digalas oleh seorang Pengerusi dalam memastikan organisasi yang dipimpin berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan, Info MKM keluaran kali ini telah menemubual Pengerusi Lembaga Pengarah MKM. Beliau mula memegang tampuk kepimpinan utama MKM pada 1 September 2013 sebagai Ahli Lembaga Pengarah MKM atas lantikan YB Menteri dan menjadi Ahli Jawatankuasa Penyelidikan dan Konsultasi. Tanggal 1 Februari 2015, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah MKM sehingga kini. Beliau yang dimaksudkan ialah YBhg. Datuk Profesor Mohd. Yusof Kasim.

Sedikit latar belakang pendidikan beliau; YBhg. Datuk merupakan Pelajar Terbaik Ijazah Pertama Ekonomi Pembangunan dan Perancangan keluaran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan seterusnya melanjutkan pengajian Ijazah Lanjutan di dua buah universiti di United Kingdom (UK) iaitu University of Wales dan University of East Anglia.

YBhg. Datuk Profesor Mohd. Yusof Kasim telah menerima pelbagai pengiktirafan peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang pendidikan, membuktikan bahawa beliau adalah seorang tokoh di bidang pendidikan yang disegani. Antara anugerah yang terbesar beliau peroleh ialah Asia's Education Excellence Award 2015 bagi kategori anugerah kepimpinan pendidikan. Anugerah ini diberikan kepada pemimpin-pemimpin universiti yang berjaya membuat transformasi di universiti ataupun organisasi di peringkat Asia.

Anugerah kedua terbesar yang beliau terima ialah **The Golden Globe Tiger Education Leadership 2016**, satu anugerah peringkat antarabangsa yang juga mengiktiraf pemimpin dalam bidang pendidikan. Kedua-dua anugerah ini turut diiktiraf oleh **World Education Congress**.

Menjadi pemimpin dalam bidang pendidikan, Datuk Profesor Mohd. Yusof Kasim sentiasa berusaha membawa perubahan di mana sahaja beliau ditempatkan. Beliau pernah berkhidmat di UKM selama 24 tahun. Semasa memegang jawatan Timbalan Pengarah Pengurusan Penyelidikan di sana, beliau mengambil inisiatif menubuhkan Majlis Pengurusan Penyelidikan IPTA Seluruh Malaysia.

Datuk Prof. Mohd. Yusof kemudiannya dipinjamkan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai Profesor Ekonomi dan Pengarah Pusat Korporat dan Perhubungan Antarabangsa. Beliau berjaya memulakan pengambilan pelajar antarabangsa buat pertama kalinya bagi universiti tersebut dengan bilangan yang besar, terutamanya dari negara China. Selain itu, beliau banyak memulakan perhubungan antarabangsa

dan menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bagi pihak UMS dengan universiti terkenal di luar negara seperti Jepun dan universiti dari Eropah.

Tidak terhenti di situ, beliau kemudiannya dipinjamkan pula ke Kementerian Pengajian Tinggi apabila Kementerian itu mula ditubuhkan pada tahun 2005. Datuk Profesor Mohd. Yusof merupakan Timbalan Ketua Pengarah yang pertama untuk Kementerian tersebut. Ketika di Kementerian, beliau telah memainkan peranan penting dalam pembentukan polisi termasuk Pelan Strategik Pendidikan Tinggi dan berjaya memperkenalkan program MyBrain15 yang memberi biasiswa kepada mereka yang ingin mengikuti program peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Selain itu juga Datuk banyak terlibat dalam pembentukan dasar projek penyelidikan ASEAN (Cambodia, Laos, Myanmar, Vietnam/CLMV). Datuk juga telah berjaya meyakinkan Commonwealth Association yang berpusat di England untuk memilih Malaysia sebagai Pusat Pendidikan Tertinggi Negara Komanwel (CTEF), yang kini diletakkan di Universiti Sains Malaysia (USM). Menurut beliau, ia bukan usaha yang mudah ketika itu.

Datuk Prof. Mohd Yusof juga berjaya meningkatkan taraf University College Technology and Innovation (UCTI) kepada universiti penuh iaitu Asia Pacific University dan beliau merupakan Naib Canselor Pertama (Pengasas). Setelah usaha tersebut dilaksanakan dengan jayanya beliau diminta untuk menjadi Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN) bagi menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh KUIN. Beliau berjaya meletakkan KUIN di landasan yang betul.

Banyak lagi usaha yang inovatif dan inisiatif yang Datuk bawa di organisasi-organisasi yang beliau ketuai. Perjuangan Datuk dalam membawa inovasi kini dikongsi bersama warga MKM. Ikuti temubual bersama Datuk selanjutnya....



Datuk sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah MKM. Dalam masa yang sama juga Pengerusi MKMGH. Jadi bagaimana Datuk melihat halatuju MKM dan MKMGH?

MKM merupakan pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan latihan. MKM memberi pendidikan dan latihan dalam bidang koperasi dan menjadi tempat rujukan berkaitan koperasi. Kedua ialah bidang penyelidikan. MKM perlu tingkatkan lagi bidang penyelidikan dan hasil penyelidikan tersebut membentuk polisi. Dengan adanya penyelidikan, MKM akan menjadi pusat kecemerlangan tersohor dalam pendidikan dan penyelidikan dalam bidang koperasi. Peranan MKM adalah setaraf dengan universiti yang lain dalam memberi pendidikan, latihan dan penyelidikan koperasi. MKMGH pula sebenarnya mengambil alih tugas MKM dalam program jangka panjang, jadi MKM dapat memberi fokus kepada latihan koperasi dan penyelidikan. Program jangka panjang akan dikendalikan oleh Kolej i-COOP yang dimiliki oleh MKMGH yang 100% milik MKM. Kolej i-COOP akan menjalankan program Diploma. Program Sarjana Muda dan Ijazah Lanjutan akan dilaksanakan dengan kerjasama universiti-universiti lain di dalam dan luar negara.

Bagaimana pula halatuju i-COOP?

Pada peringkat awal ini, kita ingin jadikan Kolej i-COOP sebagai sebuah Kolej koperasi ternama yang dipandang oleh masyarakat. Dalam jangka masa sederhana, kita bercadang juga untuk menaik taraf kolej kepada Kolej Universiti. Pada masa ini i-COOP tidak bercadang menjadi universiti sebab Kementerian (KPDNKK) ada perancangan untuk menubuhkan universiti. Tetapi jika Kementerian memilih i-COOP untuk dinaik taraf sebagai sebuah universiti penuh kita bersedia untuk melaksanakannya.

Memandangkan i-COOP sebuah institusi baru, apakah strategi pihak i-COOP menarik minat pelajar untuk menyambung pelajaran di i-COOP?

Yang pertama kita mengikuti program pemasaran di peringkat negara dan sedikit di negara ASEAN seperti ke Timor Leste dan Indonesia. Yang kedua kita lebih menekankan kepada promosi di media sosial kerana generasi muda sukakan media sosial. Yang ketiga, kita mencari penajaan sebab saya rasa ia lebih berkesan. Kadang-kadang mereka hendak belajar tetapi tiada duit. Itu merupakan permintaan yang tidak berkesan. Saya dimaklumkan Kolej i-COOP kini ramai orang kenal walaupun dalam jangka masa singkat tetapi kenal saja tidak belajar di sini tidak mencukupi. Jadi, mereka, perlu kenal dan hendak belajar di sini. Oleh itu, kita cari penajaan, contohnya Yayasan Sarawak menaja 34 orang, ANGKASA 20 orang, Bank Rakyat 3 orang, Bank Persatuan dan Lembaga Zakat. Saya ingin kita cari lagi yayasan-yayasan untuk menaja dan selepas ini kita mahu koperasi yang besar pula memberi tajaan pendidikan. Bila ada penajaan, ramai yang berminat untuk belajar di i-COOP. Jadi itu adalah strategi yang saya rasa paling baik. Setakat ini, itulah 3 strategi utama di samping MKM turut membantu dalam membuat promosi. Jika MKM ada membuat pameran, i-COOP akan turut serta. Jadi itulah langkah-langkah yang telah i-COOP buat untuk tarik lebih ramai pelajar belajar di sini di samping meningkatkan bilangan program yang ditawarkan.

Adakah dengan melahirkan pelajar berkelulusan tinggi dalam bidang koperasi dapat membantu mengembangkan bidang koperasi dengan lebih meluas?

Betul, kita ada lebih kurang 12,000 buah koperasi. Katakanlah setiap koperasi ini diuruskan oleh beberapa orang yang berpengetahuan dalam bidang koperasi. Jika kita andaikan pengurusan koperasi diterajui oleh sekurang-kurangnya 2 orang yang berkelayakan diploma atau ijazah dalam bidang koperasi, sektor ini memerlukan tidak kurang daripada 24 ribu tenaga kerja. Koperasi yang diurus oleh staf yang berpendidikan tinggi akan menjadikan koperasi tersebut berprestasi tinggi. Saya mahu sumbangan MKM dan i-COOP meningkatkan keupayaan modal insan dalam bidang koperasi. Jika mereka berilmu dan berkemahiran, koperasi mereka mampu berprestasi tinggi. Contohnya koperasi pekerja di Sepanyol, yang mempunyai supermarket besar atau hypermarket malah lebih besar dari Tesco dan Giant. Pekerja-pekerja yang bekerja di koperasi memiliki koperasi itu sendiri. Selain itu, koperasi tersebut mempunyai kilang membuat komponen komputer. Banyak sektor lain koperasi ini masuk. Koperasi kita di sini untuk sektor pembinaan baru beberapa buah koperasi sahaja yang terlibat dengan jayanya. Maknanya, penglibatan dalam sektor sebegini mesti ada ilmu dan kemahiran. Maka di sinilah MKM dan Kolej i-COOP dapat memainkan peranan dengan memberi ilmu dan kemahiran.

Apa persepsi Datuk terhadap bidang koperasi Malaysia masa kini?

Saya berpandangan koperasi di negara kita mempunyai banyak lagi peluang untuk pergi lebih jauh terutama dalam sektor-sektor strategik misalnya sektor pembinaan yang masih belum banyak koperasi yang terlibat. Kita hendak operasi koperasi berskala besar seperti sektor perdagangan; walaupun telah dimulakan di Johor tetapi kita hendak ia lebih meluas. Kita mahu koperasi bergabung untuk wujudkan hypermarket. Selain itu, koperasi juga perlu terlibat dalam

pendidikan, selain mengukuhkan kedudukannya dalam bidang perbankan dan kewangan, pelancongan dan penjagaan kesihatan.

MKM kini 60 tahun. Bagaimana Datuk melihat persepsi koperasi terhadap MKM pada masa sekarang?

Saya ingat koperasi juga mempunyai harapan pada kita supaya kita meningkatkan lagi prestasi mereka melalui latihan. Sekarang ini, kita bantu melalui latihan-latihan asas. Sebab itu saya cadangkan kita buat program pengurusan peringkat tinggi (*flagship programme*) untuk memberi latihan kepada Pengerusi dan Anggota Lembaga (ALK) sebab mereka yang meneraju koperasi dalam menentukan halatuju dan strategi koperasi berkenaan. Kita hendak jalinkan kerjasama mengadakan kursus bukan saja di dalam negara malah dengan negara luar. Akhirnya kita yang membantu koperasi di negara ASEAN dan Asia Pasifik. Jika orang yang berjiwa positif bukan setakat hendak menghadiri kursus wajib sahaja, sepatutnya anggota itu hadir mana-mana kursus yang lebih tinggi. Saya cadangkan MKM menyediakan kursus-kursus mengikut keutamaan koperasi. Kita akan masukkan komponen nilai-nilai koperasi dan komponen pengurusan strategik. Kita hendak bantu sesebuah koperasi itu melonjak contohnya dari jualan RM5 juta ke RM50 juta. Ini adalah antara wawasan saya. Saya rasa kita juga perlu menjalankan penyelidikan pada tahap tinggi, yang outputnya relevan dan berguna dalam pembentukan dasar dan strategi yang sesuai untuk memajukan koperasi negara.

Apakah cabaran paling besar bagi MKM dalam memainkan peranannya sebagai sebuah institusi latihan koperasi yang satu-satunya di Malaysia?

Bagaimana kita boleh bantu koperasi untuk mentransformasikan koperasi supaya mereka dapat menjadi peneraju utama dalam sesuatu perniagaan. Itu cabaran bagi kita. Cabaran dalaman ialah bagaimana hendak ubah mindset. Cabaran luaran pula bagaimana untuk

meningkatkan lagi sumbangan koperasi dalam pembangunan ekonomi dan pembangunan sosioekonomi masyarakat terutama anggota koperasi. Sebab itu koperasi memainkan dua peranan iaitu pertumbuhan dan agihan ataupun ekonomi dan keadilan. Kita perlu menjaga kebajikan anggota. Itu adalah cabaran yang utama. Oleh itu, kita perlu menangani cabaran ini.

Bagaimana MKM dapat memastikan ia berjaya memainkan peranannya sejajar dengan matlamat penubuhannya?

Kita perlu sentiasa memantau petunjuk prestasi utama atau KPI. MKM perlu sentiasa melihat dan memantau pencapaian prestasi dalam bidang akademik dan pendidikan yang merupakan aktiviti utama, supaya tidak lari dari tujuan asal untuk meningkatkan kualiti modal insan dalam sektor koperasi. Melalui penyelidikan, kita mencipta polisi yang dapat membangunkan koperasi. Saya berpandangan, kadang-kala kita mempunyai strategi tetapi kekurangan taktik untuk mencapai matlamat. Tiada pelan tindakan untuk memenuhi strategi tersebut. Jadi, kita perlu mengkaji strategi secara terperinci.

Pada pandangan Datuk, apakah kekuatan MKM masa kini, dan bagaimana Datuk melihat MKM untuk 5 tahun akan datang?

MKM sekarang ini sudah 60 tahun yang merupakan pusat pengetahuan terutama dari segi menyediakan latihan dalam bidang koperasi tetapi perlu ditambah baik dan kita perlu pergi ke peringkat yang lebih tinggi dalam masa lima tahun akan datang. Kita juga mesti tingkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan meningkatkan nilai aset kita. Dalam tempoh lima tahun kita mesti ada bangunan baru di setiap cawangan yang dimiliki sepenuhnya oleh MKM dan bukannya sewaan. Bila kita ada bangunan baru, kita juga boleh membuat sewaan. Dalam masa lima tahun, kita perlu dipandang dan dirujuk sebagai pusat latihan, pendidikan dan penyelidikan koperasi yang unggul bukan hanya di peringkat Malaysia malah di peringkat antarabangsa.



Pada pandangan Datuk, apakah cabaran yang paling utama yang MKM perlu hadapi dalam masa terdekat?

Cabaran utama ialah sumber kewangan, Kita memerlukan sejumlah wang yang mencukupi untuk memberi perkhidmatan yang berkesan. Sebab itu kita perlu menjana pendapatan dalam menangani masalah ini. Yang kedua ialah cabaran dari sudut meningkatkan keupayaan staf selari dengan peredaran zaman, kehendak serta aspirasi yang semakin meningkat dan kompleks. Justeru setiap staf perlu meningkatkan kemahiran dan kompetensinya sesuai dengan kehendak semasa.

Apakah harapan Datuk terhadap MKM, sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah?

Saya betul-betul berharap agar MKM dapat menjadi pusat kecemerlangan pendidikan, latihan dan penyelidikan dalam sektor koperasi bukan setakat terserlah di ASEAN, jika boleh di peringkat antarabangsa. Maknanya suatu hari nanti masyarakat umum terutamanya anggota koperasi dan kerajaan merujuk kepada kita dari aspek pembentukan dasar dan juga pembentukan latihan yang sesuai kepada koperator bukan sahaja di peringkat ASEAN malah seantero. Jadi, kita sebenarnya perlu berjiwa besar. Walaupun kita hanya pusat latihan tetapi dari sudut itulah kita dikenali ramai.

Kembara Koperasi PJ-Cameron

Nasharuddin Mohd. Ali (Pengarah Unit Komunikasi Korporat)

Pada 6 Mei 2016, Unit Komunikasi Korporat bersama Kelab Sukan Dan Sosial MKM telah menganjurkan satu program kembara berkereta dari Petaling Jaya ke Cameron Highlands sempena sambutan ulang tahun Jubli Intan MKM. Program 'Kembara Koperasi PJ-Cameron' telah disertai oleh 89 warga kerja MKM dari seluruh negara dengan penglibatan sebanyak 23 buah kenderaan pelbagai jenis.

Matlamat utama penganjuran program 'Kembara Koperasi PJ-Cameron' adalah untuk mengeratkan silaturahmi dalam kalangan warga kerja MKM di samping memberi pengalaman baru kepada peserta-peserta program semasa pengembaraan tersebut. Selain bekerjasama dalam menyelesaikan 'tugasan', para peserta juga dapat menikmati pelbagai keindahan alam semulajadi dan kehidupan masyarakat di sepanjang perjalanan.

Tepat jam 8 pagi, para peserta program telah berkumpul bagi sesi penerangan sebelum memulakan perjalanan dari ibu

pejabat MKM di Jalan Templer dan berakhir di Hotel Copthorne, Cameron Highlands. Pelepasan peserta 'Kembara Koperasi PJ-Cameron' telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah MKM, YBhg. Prof Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, bersama Tn. Hj. Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik).

Dari Petaling Jaya, para peserta melepasi Gombak dan melalui lebuh raya karak ke pekan Bentong. Destinasi seterusnya adalah pekan Raub ke persimpangan Sungai Koyan/Cameron dan terus ke Tanah Rata, Cameron Highlands. Kembara tersebut dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang menarik seperti menjawab soalan misteri dan melaksanakan tugas mencabar di samping lawatan ke beberapa buah koperasi.

Program 'Kembara Koperasi PJ-Cameron' juga merupakan antara aktiviti yang telah dirancang oleh Unit Komunikasi Korporat dalam menyemarakkan sambutan ulang tahun Jubli Intan MKM yang bakal diraikan pada 13 November 2016.



Peserta kembara PJ-Cameron bergambar kenangan bersama ALK Koperasi RPS Orang Asli Betau Lipis Bhd



Ketua Pengarah MKM menyampai sumbangan

Program Cintai Alam Semula Jadi

Sempena Sambutan Hari Integriti MKM 2016

Abdul Razak Osman (Unit Integriti)

Menyentuh tentang integriti ianya amat luas untuk dibincangkan di sini. Integriti secara mudah bermaksud menyuruh kita berbuat perkara baik dan mengamalkan sifat-sifat murni dalam kehidupan. Setiap orang mesti jujur, amanah, bertanggungjawab, beretika, jati diri serta mempunyai moral yang tinggi. Bagi meningkatkan integriti dalam kalangan warga Maktab Koperasi Malaysia (MKM) maka pihak pengurusan telah mengadakan Hari Integriti dan Inovasi pada 6 dan 7 Mei 2016.

Hari Integriti MKM merupakan salah satu pengisian sempena sambutan 60 tahun MKM dan program ini akan diadakan sekali setiap tahun. Bermula dengan ceramah "Integriti Kehutanan" oleh Jabatan Perhutanan Pahang Barat yang disampaikan oleh Cik Iqtiye Qamar Laila binti Mohd Gani pada malam 6 Mei, Hari Integriti MKM diteruskan lagi dengan program khidmat masyarakat dan semua warga MKM yang hadir mengadakan aktiviti menanam anak-anak pokok di Hutan Simpan Gunung Siku pada 7 Mei dan berakhir dengan Majlis Makan Malam dan Penyampaian Penghargaan di sebelah malamnya.

Kejadian tanah runtuh serta banjir yang telah mengorbankan banyak nyawa adalah contoh kurangnya integriti dalam diri mereka yang terlibat dan tidak bertanggungjawab. Kesan dari pencerobohan tanah milik kerajaan secara haram serta menjalankan projek pembangunan tanpa kawalan telah memusnahkan persekitaran dan alam semula jadi di Cameron Highlands.

Terpanggil dengan masalah ini, Unit Integriti MKM telah mencadangkan satu program khidmat masyarakat untuk memulihkan semula kawasan-kawasan yang diceroboh itu. Atas rasa tanggungjawab dan kesedaran dalam memelihara alam semula jadi maka program "Cintai Alam Semula Jadi" dimulakan sebagai langkah awal untuk kita terus memulihara kelestarian alam semula jadi demi generasi akan datang.

Aktiviti menanam anak-anak pokok di Hutan Simpan Gunung Siku bermula dengan pergerakan kenderaan dari tempat penginapan yang memakan masa lebih kurang 30 minit. Sebelum tiba ke lokasi sebenar, semua peserta akan melalui beberapa kebun sayur yang hanya boleh

dimasuki oleh kenderaan pacuan empat roda (4 x 4) sahaja. Bagi yang berkemampuan, mereka lebih suka berjalan kaki yang jaraknya lebih kurang satu kilometer dari jalan besar.

Setibanya di lokasi jam menunjukkan pukul 10 pagi. Walaupun berada di kawasan sejuk Cameron Highlands, tetapi kepanasan untuk memulakan aktiviti menanam pokok telah mula membakar semangat semua peserta. Selesai sahaja taklimat ringkas yang disampaikan oleh Renjer Jabatan Hutan tentang cara-cara menanam anak-anak pokok, Ketua Pengarah MKM, Prof Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik pun memulakan acara dengan menanam sebatang anak pokok sebagai simbolik bermulanya program "Cintai Alam Semula Jadi".



Ketua Pengarah MKM memulakan acara menanam anak pokok



Peserta melaksanakan program Cintai Alam secara bergotong-royong



Antara kenderaan 4X4 yang membawa peserta ke dalam hutan

Selesai sahaja upacara ringkas tersebut, tanpa berlengah, lebih kurang 90 peserta yang hadir mula mengambil tugas masing-masing. Meriah sungguh "pesta" menanam pokok-pokok ini hinggakan matahari meninggi pun tidak disedari. Tanpa merasa penat, akhirnya sebanyak 500 batang anak pokok telah berjaya ditanam. Lebih kurang pukul 11.30 pagi program ini telah hampir ke penghujungnya dan tepat 11.45 pagi aktiviti menanam pokok telah pun selesai.

Secara keseluruhannya, program "Cintai Alam Semula Jadi" berjalan dengan lancar dan telah pun mencapai matlamatnya. Program ini juga telah mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama warga MKM. Terima kasih kepada Jabatan Perhutanan Pahang Barat kerana banyak membantu warga MKM merealisasikan impian untuk melihat bumi bertuah ini terus mengijau. Moga program seumpama ini dapat diteruskan di masa akan datang.



Pertandingan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah MKM

Jemputan Koperasi 9 Sebelah

Nur Zulaikha Borhan (Kelab Sukan dan Sosial MKM)

Buat julung kalinya Pertandingan Bola Sepak Jemputan Koperasi 9 Sebelah bagi merebut Piala Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia Sempena Sambutan 60 Tahun MKM telah berlangsung dengan jayanya pada 26 Mac 2016 bertempat di Padang Astaka, Jalan Utara, Petaling Jaya.

Objektif pertandingan ini antara lain untuk merapatkan hubungan antara koperasi, selain sebagai sebahagian daripada acara Sambutan Jubli Intan (60 Tahun) MKM.

Pertandingan ini menggunakan format 9 sebelah. Pasukan yang bertanding adalah secara jemputan dan terdiri daripada koperasi-koperasi di sekitar Lembah Kelang. Sebanyak 16 pasukan telah dijemput dan dibahagikan kepada dua kumpulan dalam permainan secara liga dalam kumpulan A dan B. Setiap pasukan dikehendaki mendaftar 12 pemain dan seorang pengurus.

Senarai pasukan yang dijemput bertanding adalah seperti berikut:

Pasukan
Koperasi MKM
Pelajar Icoop MKMGH
Kelab Sukan ANGKASA
Kelab Sukan SKM
Koperasi Polis
Koperasi KOSAS
Koperasi Ukhuwah
Bank Rakyat A
Bank Rakyat B
Koperasi Kotamas Telekom A
Koperasi Kotamas Telekom B
Koperasi Pertonas Kopetro
Koperasi SSM
Koperasi MYIPO
Koperasi ISLAH
Koperasi Felda KPF



Piala Ketua Pengarah MKM yang menjadi rebutan 16 pasukan

Pertandingan akhir adalah antara Bank Rakyat A dengan Kotamas Telekom A dan berkesudahan penentuan sepakan penalti dengan pemenangnya ialah Bank Rakyat A sebagai johan Piala Ketua Pengarah MKM yang pertama.

Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik telah menyampaikan hadiah kepada pemenang di majlis penutupan. Ketua Pengarah MKM menyarankan agar pertandingan ini diadakan setiap 2 tahun sekali.



Ketua Pengarah MKM beramah mesra dengan para pemain sebelum pertandingan bermula



Aksi para pemain ketika perlawanan berlangsung

MKM Bantu Koperasi PKNS Merencana Pelan Transformasi Koperasi

Zurita Mohd Saleh
(Pusat Penyelidikan dan Konsultasi)

Landskap perniagaan masa kini telah mengalami perubahan yang berterusan dan keadaan ini secara tidak langsung menuntut setiap organisasi untuk merangka pelan transformasi agar setiap organisasi kekal relevan dalam pasaran yang semakin mencabar. Kenyataan di atas adalah selari dengan pandangan Ulrich (1996) dan Espejo et al. (1996) yang menyatakan bahawa *“the competitive landscape is changing, and new models of competitiveness are needed to deal with the challenges ahead”*.

Sehubungan itu, Koperasi PKNS Bhd. telah mengambil satu inisiatif yang bijak dengan menganjurkan satu bengkel perancangan strategik yang bertujuan untuk memastikan Koperasi ini mampu bersaing serta menjadi salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam merencanakan agenda transformasi koperasi agar matlamat untuk menjadi salah sebuah 100 koperasi terbaik dan kedudukan yang lebih kompetitif dapat direalisasikan, satu pelan perancangan strategik yang komprehensif telah dibangunkan. Pelan perancangan strategik bagi tahun 2017-2019 telah dihasilkan dalam bengkel tersebut, yang telah diadakan pada 20 – 21 Mei, 2016. Bengkel tersebut telah diadakan di Hotel Seri Malaysia, Temerloh, Pahang dan dihadiri oleh lapan orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK), seorang Juruaudit Dalaman (JAD) dan enam orang kakitangan koperasi. Tiga orang pegawai latihan MKM yang bertindak sebagai



Sesi penerangan mengenai Agenda Transformasi dan Pelan Perancangan Koperasi 2017-2019

konsultan dalam program ini ialah Pn. Zurita Mohd Saleh, En. Mohd. Shahron Anuar dan En. Ju Samsuddin Safian. Ketiga-tiga pegawai ini memberi khidmat nasihat dan konsultasi mengikut bidang kepakaran masing-masing iaitu bidang kewangan dan bukan kewangan.

Kaedah “brainstorming” telah diguna pakai dalam bengkel tersebut, bertujuan untuk memperoleh input yang berkaitan dengan persekitaran koperasi sama ada faktor dalaman atau luaran.

Setiap individu telah diberi kebebasan untuk menzahirkan pandangan dan idea masing-masing dan tidak hanya tertumpu kepada pandangan yang diberi oleh ALK atau JAD sahaja. Secara amnya, pelbagai input yang bermanfaat telah diperoleh yang merangkumi aspek kewangan atau bukan kewangan seperti halatuju Koperasi PKNS Bhd., pengurusan dan pentadbiran koperasi dan teknologi serta modal insan. Para peserta program ini juga telah berkongsi maklumat berkenaan dengan visi yang perlu dikongsi oleh setiap individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi. Ini bagi memastikan kepentingan anggota serta faedah yang telah ditetapkan boleh dinikmati oleh setiap anggota apabila koperasi mampu mencapai kedudukan yang kompetitif.



Sesi Menganalisis Kewangan Koperasi (3 Tahun)

Diharapkan agar agenda transformasi koperasi ini akan menjadi satu realiti dan bukan retorik. Tambahan lagi, diharapkan Koperasi PKNS Bhd. berkeupayaan untuk mewujudkan satu model perniagaan koperasi yang mampu menjadi rujukan kepada koperasi yang lain. Namun begitu, setiap rancangan yang direncana dan dilakar perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dan pelaksanaannya harus dibuat secara kerjasama oleh setiap individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi.

Jika koperasi berminat untuk memohon perkhidmatan konsultasi dari MKM, bolehlah hubungi kami melalui emel konsultasi@mkm.edu.my.



Koperasi Perumahan Melayu Perak Bhd Terima Sentuhan Konsultasi MKM

Rosidah Rashid (Pusat Penyelidikan Dan Konsultasi)

Keanggotaan merupakan asas bagi sesebuah koperasi dan tanpa anggota tiadalah koperasi. Justeru, maklumat keanggotaan koperasi sangat penting dan perlu disimpan dan diuruskan dengan rapi. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan memudahkan urusan penyimpanan maklumat keanggotaan koperasi. Ia dapat direalisasikan melalui kewujudan Pusat Penyelidikan dan Konsultasi di MKM (CRC).

Pada 22 September 2015, pasukan pegawai dari CRC yang terdiri daripada Pn. Zurita Mohd Salleh, Pn. Rosidah Rashid dan Pn. Sharifah Shuzaida Saedin telah berkunjung ke Koperasi Perumahan Melayu Perak Berhad (KPMPB) untuk menjalankan khidmat konsultasi. Perbincangan dengan wakil KPMPB, Pn. Ana Azlina Haji Yusof (Pengurus Koperasi) telah menghasilkan persetujuan bersama iaitu untuk mengkomputerkan maklumat keanggotaan koperasi dengan kaedah membangunkan sistem keanggotaan koperasi oleh CRC.

Selama ini koperasi yang mempunyai keanggotaan seramai 2702 orang ini menyimpan maklumat keanggotaan menggunakan buku dan ditulis secara manual sahaja.



Antara Muka Sistem Keanggotaan KPMPB

Hanya pada tahun 2015 maklumat tersebut telah dipindahkan ke dalam MS Excel tetapi tidak secara menyeluruh. Urusan pencarian maklumat keanggotaan menjadi rumit dan mengambil masa yang lama jika KPMPB menggunakan kaedah lama ini. Setelah data keanggotaan diserahkan kepada pihak CRC MKM mulai Disember 2015, sistem keanggotaan mula dibangunkan.

Pada 19 April 2016, penyerahan sistem keanggotaan telah dilakukan di pejabat KPMPB dan latihan penggunaan sistem juga turut dijalankan. Dengan wujudnya sistem ini diharapkan operasi dan pengurusan maklumat keanggotaan KPMPB akan bertambah lancar.

Jika koperasi berminat untuk memohon perkhidmatan konsultasi dari MKM, sila lawati laman web MKM atau emel kepada konsultasi@mkm.edu.my.

Perlawanan Badminton Eratkan Hubungan Bank Rakyat - MKM

Nur Zulaikha Borhan
(Kelab Sukan dan Sosial MKM)



Bahagian Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat telah menjemput kakitangan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) untuk menjayakan Perlawanan Persahabatan Badminton Bank Rakyat - MKM. Objektif perlawanan ini adalah bagi merapatkan hubungan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.

Perlawanan ini diadakan pada 16 Mei 2016 bermula jam 8.00 malam di Balai Tan Sri Syeikh Ahmad, Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur. Kategori perlawanan adalah seperti berikut:

- a) VIP Lelaki (Single)
- b) Beregu Lelaki 1
- c) Beregu Lelaki 2
- d) Beregu Wanita
- e) Beregu Veteran Lelaki
- f) Beregu Campuran

Keputusan perlawanan ini adalah seri (3-3). MKM memenangi kategori VIP Lelaki, Beregu Campuran dan Beregu Lelaki 1. Manakala Bank Rakyat menang Beregu Lelaki 2, Beregu Wanita dan Beregu Veteran. Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah Urusan Bank Rakyat iaitu Dato' Mustafha Hj. Abd Razak.



Prof. Madya Dr. Abdul Rahman, Ketua Pengarah MKM (dua dari kiri) bergambar kenangan bersama Dato' Mustafha Hj. Abdul Razak, Pengarah Urusan Bank Rakyat (dua dari kanan)

Senarai peserta mengikut kategori adalah seperti berikut:

VIP Lelaki

- Prof Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik (MKM)
 - Dato' Mustafha Hj. Abd Razak (Bank Rakyat)
- (Keputusan: MKM menang)**

Beregu Lelaki 1

- Mazlan Bin Ali & Norle Bin Abd Rahman (MKM)
 - Md Ali Abd Aziz & Dato' Shaharudin (Bank Rakyat)
- (Keputusan: MKM menang)**

Beregu Lelaki 2

- Mohd Fairus Bin Tulus & Mohd Haikal (MKM)
 - Nizam Sani & Mohamad Husin (Bank Rakyat)
- (Keputusan: Bank Rakyat menang)**

Beregu Wanita

- Nazirah Baharudin & Siti Hajar Saady (MKM)
 - Sarniza Awang Teh & Nadiatul Sheema Norahim (Bank Rakyat)
- (Keputusan: Bank Rakyat menang)**

Beregu Veteran

- Abu Bakar Bin Ramle & Ahmad Faizal Bin Shaarani (MKM)
 - Noorzaidi Nordin & Tengku Ahmad Tengku Yaacob (Bank Rakyat)
- (Keputusan: Bank Rakyat menang)**

Beregu Campuran

- Faiz Bin Ahmad Yatim & Fatin Fakhriah Mohd Abu Yanin (MKM)
 - Mohamad Himy Abdul Kadir & Ayu Mastika Rahmat (Bank Rakyat)
- (Keputusan: MKM menang)**

Program Sangkutan Pegawai SPP MKM ke Koperasi Orang Melayu Kerajaan (SKOMK) Perak Berhad

Noor Shafeeza Zainuddin (Sektor Pemborongan dan Peruncitan)

Program sangkutan para pegawai Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP) yang mengambil tempat di Koperasi Orang Melayu Kerajaan (SKOMK) Perak Berhad, Teluk Intan telah diadakan pada 7 hingga 8 April 2016. Objektif program sangkutan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai SPP dalam mempelajari teori sekaligus menjalani latihan secara amali berkaitan pentadbiran, pengurusan serta operasi pasar mini dan pusat pengedaran yang dijalankan oleh entiti koperasi.

SKOMK telah dipilih sebagai lokasi simulator para pegawai memandangkan reputasinya dalam memelihara kelangsungan perniagaan koperasi dengan baik selama 92 tahun (ditubuhkan pada tahun 1924), serta merupakan salah sebuah koperasi panel dalam sektor pemborongan dan peruncitan lantikan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Sebuah Pasar Raya COOPMART telah dibuka pada tahun 2012 diikuti dengan pembukaan sebuah pusat pengedaran produk pada 2013 telah memantapkan kedudukan SKOMK dalam sektor ini.

Kepesatan kemajuan perniagaan SKOMK dalam bidang peruncitan telah dibuktikan melalui pembukaan pasar raya kedua iaitu Pasar Raya SKOMK pada tahun 2016. Aktiviti pemborongan dan peruncitan merupakan penyumbang kelima dalam penjaan pendapatan tahunan SKOMK.

Pada awal penubuhannya, SKOMK merupakan sebuah koperasi kredit (pembiayaan masih merupakan aktiviti utama) yang dikenali dalam kalangan penduduk Hilir Perak dan Manjung melalui perniagaan tradisinya iaitu perniagaan am seperti Kedai Servis Tayar dan juga Kedai Peralatan Elektrik dan Perabot yang terletak di Teluk Intan dan Manjung.

Kini, koperasi ini turut menjana pendapatan (penyumbang utama hasil pendapatan tahunan – 79.08 peratus) melalui tiga (3) cawangan Ar-Rahnu di Teluk Intan, Seri Manjung dan Sungai Besar. Koperasi ini telah mencatatkan prestasi hasil jualan tahunan mencecah RM 66.8 juta pada tahun 2015 hasil daripada kesemua lima aktiviti perniagaan di bawah (Jadual 1):

Jadual 1: Prestasi Jualan SKOMK 2013 - 2015

Unit Perniagaan	Prestasi 2013 (%)	Prestasi 2014 (%)	Prestasi 2015 (%)	Catatan
Pembiayaan	14.87	14.43	9.74	Teras Perniagaan
Ar-Rahnu	70.53	72.28	79.08	Penyumbang Utama
Pengurusan Harta	3.66	3.21	2.73	78
Perniagaan Am	7.16	4.60	2.68	Tradisi
Borong & Runcit	3.26	4.96	5.30	Mula 2012
Perladangan	0.53	0.52	0.47	
Jumlah	100	100	100	



Bergambar kenangan bersama ALK SKOMK

SKOMK turut dilihat amat komited dengan visi dan misinya dalam melaksanakan pemerkasaan jaringan antara koperasi di Perak Darul Ridzuan melalui Sub-Distribution Centre dan juga pembangunan serta pemasaran produk halal keluaran koperasi (usahasama pembungkusan dan sebagai wakil pengedar produk anggota dan koperasi lain). SKOMK berhasrat untuk menjadi penasihat dan memberi sokongan kepada koperasi yang memerlukan dalam menceburi aktiviti pemborongan dan peruncitan melalui pembukaan serta penambahan bilangan pasar mini atau pasar raya di Perak Darul Ridzuan.

Para Pegawai SPP telah diberi latihan berkaitan:

- susun atur dan peragaan produk
- pengurusan stok / inventori pasar mini
- perakaunan pasar mini
- pengurusan pemasaran pasar mini
- aktiviti pemborongan koperasi SKOMK Berhad

Hasil pembelajaran yang diterima akan ditransformasikan dalam bentuk modul latihan dan juga penulisan kajian kes sebagai rujukan dan manfaat koperator. SPP turut merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pentadbiran dan pengurusan SKOMK yang amat dedikasi dalam menjayakan program sangkutan ini dan mendoakan agar SKOMK terus maju dan cemerlang dalam bidangnya selaku model peranan sektor koperasi secara amnya.



Kompleks SKOMK

Wakil Universiti Hanshin Berkunjung Ke Maktab Koperasi Malaysia

Dinah Nabilah Binti Mokhtaruddin (Pusat Dasar dan Antarabangsa)

MKM telah menerima kunjungan Prof. Yi Kiho, Pengarah Eksekutif, Pusat Keamanan dan Integriti Awam, Universiti Hanshin, Korea Selatan pada 10 Februari 2016. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mengetahui fungsi dan peranan MKM sebagai sebuah pusat latihan dan pendidikan koperasi yang turut menjalankan program jangka panjang (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda). Pada masa yang sama beliau meninjau potensi kerjasama dengan MKM pada masa akan datang.

Lawatan ini telah disambut oleh Pn. Aishah Ariffin, Pengarah Kanan Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Cik Sharina Abdullah, Pengarah Pusat Dasar dan Antarabangsa, En. Mohd Nasharuddin Mohd Ali, Pengarah Unit Komunikasi Korporat, wakil dari Kolej iCOOP MKM dan pegawai Pusat Dasar dan Antarabangsa. Perbincangan kunjungan ini dimulakan dengan penerangan lanjut mengenai fungsi dan peranan MKM serta proses transformasi 2016 dan halatuju MKM. Turut disampaikan ialah penerangan mengenai Kolej iCOOP MKM yang idea penubuhannya berasal daripada lawatan YB Menteri KPDNKK ke iCOOP di Korea pada tahun 2012. Perbincangan kemudiannya disusuli dengan

penerangan ringkas oleh Prof. Yi Kiho mengenai Universiti Hanshin dan fakulti beliau khususnya.

Umumnya, Universiti Hanshin, Korea, merupakan universiti swasta yang bertapak di Seoul dan didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran, Korea Selatan. Secara dasarnya universiti ini menawarkan program di bawah Fakulti Undergraduate School (Sarjana Muda) dan Graduate School (Pasca Siswazah). Pada masa kini, Universiti Hanshin juga turut dalam proses transformasi untuk mewujudkan satu rangkaian antara pusat akademik serantau Asia. Universiti Hanshin turut bekerjasama dengan iCOOP Korea dan telah menandatangani satu perjanjian kolaborasi antara universiti dengan koperasi dan pihak universiti akan memberi sokongan dari segi latihan, kepakaran teknologi serta sumber tenaga kerja kepada pihak koperasi. Manakala pihak iCOOP Korea akan memberikan khidmat latihan industri dan perkongsian ilmu kepada universiti.

Hasil perbincangan kedua pihak, MKM dan Universiti Hanshin telah mencapai persefahaman mewujudkan usahasama dari segi latihan pada 2017 dan meninjau kerjasama dengan Kolej iCOOP MKM melalui program berkembar bagi pelajar program jangka panjang.



Sesi perbincangan MKM diketuai oleh Pn. Aishah Ariffin dengan pihak Universiti Hanshin, Korea Selatan, Prof. Yi Kiho (kanan sekali)



Pegawai Kanan MKM bergambar kenangan dengan delegasi daripada Jabatan Koperasi Bangladesh

Delegasi Jabatan Koperasi Bangladesh Ke Maktab Koperasi Malaysia

Dinah Nabilah Binti Mokhtaruddin (Pusat Dasar dan Antarabangsa)

Jabatan Koperasi Bangladesh yang diketuai oleh En. Mohammad Asaduzzaman, *Additional Registrar, Department of Co-operative, Dhaka* telah berkunjung ke MKM pada 7 Mac 2016. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mengetahui fungsi dan peranan MKM sebagai sebuah pusat latihan dan mengetahui perkembangan terkini latihan dan pendidikan koperasi di Malaysia. Selaku jabatan yang menyelia koperasi di Bangladesh, delegasi ini turut meninjau kemungkinan kerjasama dengan MKM pada masa akan datang.

Lawatan ini telah disambut baik oleh Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan (TKPP), Cik Sharina Abdullah, Pengarah Pusat Dasar dan Antarabangsa, dan pegawai Pusat

Dasar dan Antarabangsa. Perbincangan dimulakan dengan ucapan aluan TKP(P) dan diikuti dengan penerangan mengenai fungsi, peranan, proses transformasi 2016 dan halatuju MKM. Para delegasi juga turut didedahkan dengan senario koperasi di Malaysia serta penerangan lanjut mengenai kajian keperluan latihan, proses pembangunan silibus dan program latihan yang dijalankan.

Umumnya, Jabatan Koperasi Bangladesh merupakan sebuah badan organisasi kerajaan yang bernaung di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan, Pembangunan dan Koperasi Luar Bandar dan bertanggungjawab membantu pertumbuhan ekonomi. Jabatan ini merangka program dan usaha untuk mengurangkan jurang kemiskinan. Diketuai oleh General, jabatan koperasi ini

telah dibahagikan mengikut daerah yang dikelola oleh The Registrar. The Registrar ini bertanggungjawab dalam semua hal yang berkaitan dengan koperasi kecuali hal ehwal peringkat antarabangsa. Tujuannya untuk memudahkan koperasi di sesebuah daerah merujuk sekiranya terdapat sebarang masalah, cadangan atau hal-hal yang berkaitan. Dengan adanya jabatan di setiap daerah akan memudahkan perjalanan sesebuah koperasi.

Hasil perbincangan dari kedua belah pihak, MKM dan Jabatan Koperasi Bangladesh telah mencapai kesepakatan dalam merangka program kerjasama melalui program sangkutan terutamanya program

mikro kredit. Delegasi turut dipelawa untuk menyertai Program Kerjasama Teknikal Malaysia 2016 serta menghebahkan perkara ini kepada gerakan koperasi di Bangladesh. Perbincangan turut menyentuh peluang koperasi di Bangladesh untuk mengikuti program jangka panjang di bawah anak syarikat MKM iaitu Kolej i-COOP.

Sebelum pulang, para delegasi turut dibawa melawat sekitar premis MKM seperti kemudahan bilik kuliah, perpustakaan, makmal komputer dan kedai koperasi. Program tamat dengan senyuman delegasi dan jemputan lawatan balas MKM ke Bangladesh pada masa akan datang.



Barisan Pegawai Jabatan Koperasi Bangladesh sedang tekun mendengar taklimat



Delegasi Bangladesh turut dibawa melawat kedai Koop MKM atau Coop Mart

Lawatan ke KOBERA Gambir Ledang Bhd di Muar dan KOPRIS di Mersing

Ju Samsuddin Bin Safian (Sektor Perladangan dan Asas Tani)

Satu lawatan kerja oleh pegawai-pegawai Sektor Perladangan dan Asas Tani (SPAT) MKM ke KOBERA Gambir Ledang Bhd. di Mersing dan Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan Bhd (KOPRIS Bhd) telah diadakan pada 13hb April 2016. Delegasi lawatan diketuai oleh Pengarah SPAT yang juga Timbalan Ketua Pengarah Akademik (TKPA) Maktab Koperasi Malaysia (MKM) iaitu Tn. Hj. Ramlan Kamsin dan diiringi oleh dua orang pegawai SPAT iaitu En. Nusi Abdul Rahman dan En. Ju Samsuddin Safian. Objektif lawatan di kedua-dua buah koperasi ini adalah untuk menjalinkan hubungan muhibah di antara SPAT MKM dengan koperasi yang dilawati di samping melihat perkembangan aktiviti koperasi yang dikategorikan sebagai salah sebuah koperasi yang berjaya di negeri Johor pada masa kini.

KOBERA Gambir Ledang Bhd (Muar)

KOBERA Gambir Ledang Bhd terletak di daerah Muar di negeri Johor. Pada tahun 2012 koperasi ini telah dianugerahkan sebagai KOBERA terbaik di Malaysia ketika sambutan Hari Koperasi Negara dan tersenarai dalam 100 indeks koperasi terbaik di Malaysia. KOBERA Gambir Ledang Bhd telah ditubuhkan pada tahun 2008 dengan nombor pendaftaran J-3-0536. Tujuan penubuhan koperasi ini adalah untuk meningkatkan pendapatan anggotanya yang majoriti berpendapatan RM1500 sebulan. Keanggotaannya seramai 182 orang dan terdiri daripada ibu tunggal, balu, isi rumah berpendapatan di bawah RM1500 sebulan dan bermastautin di DUN Gambir.

Pada Jun 2015, koperasi ini berjaya memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM 2,034,891.67. Pendapatan ini adalah hasil daripada aktiviti utama mereka iaitu pengurusan pembajakan sawah, tuaian dan benih padi di kawasan seluas 931 ekar di sekitar Muar. Menurut Anggota Lembaga Koperasi (ALK), mereka mengunjurkan pendapatan koperasi terus meningkat pada masa hadapan dan menyasarkan pemberian dividen yang lebih kompetitif. Koperasi ini telah mencatatkan rekod pemberian dividen sebanyak 50% selama 3 tahun berturut-turut.

Lawatan kami diiringi oleh pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) cawangan Muar iaitu Pn. Asiah. Kami juga telah dibawa melawat tapak projek sawah ring milik koperasi.



Delegasi MKM bergambar bersama Pengerusi KOPRIS, Tn. Hj. Mohd Yusof (kanan sekali) dan pegawai ANGKASA

Lawatan ke Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan (KOPRIS Bhd)

Setelah selesai melawat KOBERA Gambir Ledang Bhd, delegasi rombongan terus bergerak ke Mersing bagi mengadakan lawatan kedua kami iaitu ke Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan (KOPRIS Bhd). KOPRIS Bhd merupakan salah sebuah koperasi yang bernaung di bawah RISDA. Kami telah dibawa untuk melawat kawasan utama projek koperasi yang terletak di Tapak Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Mersing. Lokasi ini terletak lebih kurang 185km atau perjalanan selama 1 jam 54 minit dari Johor Bahru. Tapak projek milik koperasi di TKPM seluas 108 ekar mengandungi 5 projek utama yang dilaksanakan. Projek pertanian tersebut terdiri daripada projek ternakan lembu tenusu, projek fidlot lembu pedaging dan secara integrasi, projek ternakan ayam daging, projek agrotourism dan pusat latihan. Ditubuhkan pada 15 Mac 1980 di Gelang Patah Johor, KOPRIS Bhd telah membuat strategi yang bijak dan unik dalam aktiviti projek pertanian mereka. Penerapan konsep “kerjasama” dalam pelaksanaan projek pertanian yang mereka usahakan telah berjaya memberi manfaat kepada gerakan

koperasi dan anggota mereka. Kerjasama ini bukan setakat dengan koperasi di Malaysia malah turut melibatkan kerjasama dengan koperasi peringkat antarabangsa. Kerjasama ini melibatkan antara KOPRIS dengan agensi kerajaan dan koperasi di sekitar negeri Johor. Sebagai contoh, projek lembu tenusu mereka merupakan hasil kerjasama antara KOPRIS dengan RISDA dan Koperasi Penternakan Sapi Bandung Utara (KPSBU) dari Indonesia. Projek ternakan ayam daging pula melibatkan kerjasama dengan 12 buah koperasi.

Lawatan kami juga turut disertai oleh pegawai daripada ANGKASA. Selain daripada taklimat, kami juga dibawa melawat ke reban ayam dan kandang lembu serta projek agrotourism mereka yang melibatkan projek madu kelulut dan ternakan ikan air tawar. Menurut laporan daripada akhbar Utusan Malaysia edisi 2 Mei 2015, KOPRIS telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM1.7 juta dan telah memasarkan sebanyak 734,934 tan ayam sejak projek ini dilaksanakan pada tahun 2012. Sesungguhnya kejayaan KOPRIS berpusatkan kepada kebijaksanaan kepimpinan koperasi mereka yang diketuai oleh Tn. Hj. Mohd Yusof Bin Hassan selaku Pengerusi koperasi.



Pemandangan projek agrotourism KOPRIS

Keperntingan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Dalam Koperasi

Rohalinda Ahad (Zon Tengah)

MKM Zon Tengah telah menganjurkan Bicara Profesional (BP) bertajuk “Keperntingan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Dalam Koperasi” pada 15 Januari, di Rumah Rehat Teluk Intan Perak.

Objektif BP ini adalah untuk memberi pendedahan kepada koperasi keperntingan dalam menjalankan tanggungjawab sosial (CSR) yang sememangnya telah diketahui umum termaktub dalam salah satu prinsip koperasi iaitu prihatin terhadap masyarakat.

Seramai 108 orang peserta dan membabitkan 46 buah koperasi, telah menyertai progam ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), tenaga kerja dan anggota koperasi dari seluruh Perak. Turut hadir sama ialah Tn. Hj. Rosli Hj. Basri – Pengerusi ANGKASA, wakil daripada pegawai-pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Hilir Perak dan Manjung.

BP ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, YBhg Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik. Beliau berharap para koperator tidak jemu-jemu menimba ilmu dalam memastikan koperasi dapat digerakkan dengan lebih berdaya saing.

En. Suhail Bin Mohamed Kamaruddin, Ketua Pegawai Eksekutif, Azam Transformasi Sdn Bhd. menerangkan tajuk yang dibentangkan, iaitu “Keperntingan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Dalam Koperasi”. Beliau berkata koperasi seharusnya menyedari tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan. Tambah beliau,

tanggungjawab sosial korporat merupakan komitmen yang berterusan dalam perniagaan; bersikap secara beretika dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Dalam masa yang sama CSR mempertingkatkan kualiti hidup dalam dunia pekerjaan, kekeluargaan termasuklah komuniti setempat khususnya dan masyarakat secara amnya.

Bicara Profesional ini mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta yang hadir. Semoga para koperator dapat membudayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam koperasi bagi memupuk kerjasama yang lebih erat dan silaturahim antara anggota dan masyarakat setempat yang pastinya memberikan banyak faedah kepada semua pihak secara holistik.



En. Suhail Bin Mohamed Kamaruddin sewaktu menyampaikan ceramah beliau

Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi "Mikro Kredit : Memperkasakan Ekonomi Anggota Koperasi"

Yusnita Othman (Zon Utara)

Pemulaan tahun 2016, Maktab Koperasi Malaysia Zon Utara (MKMZU) telah diberi kepercayaan sebagai penganjur program Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi yang diadakan pada 27 hingga 28 Januari 2016 di Hotel Ixora, Seberang Perai, Pulau Pinang. Konvensyen kali ini bertemakan "Mikro Kredit : Memperkasakan Ekonomi Anggota Koperasi", telah berjaya menarik penyertaan 565 orang peserta dalam kalangan koperator seluruh Malaysia dan pegawai dari agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Secara umumnya, program Konvensyen ini menyediakan platform kepada koperator berkongsi idea serta berbincang isu dan cabaran dalam bidang mikro kredit. Ini memandangkan gerakan koperasi telah dikenal pasti sebagai salah satu saluran penting dalam mempertingkatkan akses kepada pembiayaan mikro bagi perniagaan kecil. Skop pembiayaan mikro kredit oleh koperasi khusus

untuk anggota-anggotanya yang mempunyai perniagaan berdaya maju meliputi aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pemasaran atau perkhidmatan dalam pelbagai sektor ekonomi.

Selama dua hari program berlangsung, sebanyak 12 buah kertas kerja telah dibentangkan dengan kertas kerja pertama bertajuk "Senario Pembiayaan Mikro Kredit di Malaysia" oleh Pn. Nor Aznah binti Mohd Ramli dari Bank Negara Malaysia. Diikuti dengan pembentangan kertas kerja kedua bertajuk "Mikro Kredit : Penilaian Keberkesanan Latihan" yang disampaikan oleh Pn. Aishah binti Ariffin, Pengarah Kanan MKM. Menyambung sesi pembentangan seterusnya ialah Pn. Hajah Normah binti Ali dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kertas kerja bertajuk "Kawal Selia Atas Mikro Kredit Koperasi". Tidak ketinggalan juga Tn. Hj. Hassan bin Ahmad, Pengarah Kanan MKM, turut berkongsi ilmu dengan para koperator melalui pembentangan kertas kerja bertajuk "Pengurusan Kewangan Mikro Kredit".



Penyampaian cenderahati kepada YBhg. Dato' Basaruddin Bin Sadali, (kiri) oleh YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim (kanan) pada majlis perasmian Konvensyen



Datuk Haji Yusra bin Sabar (kiri) sedang mempengerusikan sidang bertajuk Ar-Rahnu: Medium Pembiayaan Bantu Diri

Pada malamnya pula diadakan Majlis Perasmian Konvensyen yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato Basaruddin Bin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDNKK yang turut diserikan dengan persembahan boria oleh pelajar-pelajar SMK Batu Maung, Pulau Pinang.

Hari kedua program konvensyen diteruskan lagi dengan pembentangan enam buah kertas kerja yang dibahagikan mengikut sidang. Sidang pertama membentangkan dua buah kertas kerja yang bertemakan "Mikro Kredit : Ruang dan Peluang Perniagaan Koperasi". Kertas kerja disampaikan oleh En. Khairul Anuar bin Hj Yahaya dari Bank Rakyat Malaysia dan En. Che Mahdi bin Idris dari Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Zon Utara. Sesi yang berlangsung ini telah dipengerusikan oleh Cik Noraesyah bt Saari dari MKM.

Sidang kedua pula membentangkan dua buah lagi kertas kerja yang bertemakan "Ar-Rahnu: Medium Pembiayaan Bantu Diri" dan para pembentang yang telah berkongsi ilmu ialah Tn. Hj. Mohamad Azwani bin Asad dari Rakyat Management Services Sdn. Bhd. dan juga Tn. Hj. Mohamad Zamri bin Zakaria dari Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam

Malaysia (YAPEIM). Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hj Yusra bin Sabar, Pengerusi Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad.

Manakala sidang ketiga berlangsungnya pembentangan dua kertas kerja yang bertemakan "Mikro Kredit Bantu Anggota Koperasi" oleh En. Nasoruddin bin Shah Mat, Pengerusi Koperasi Pasar Aneka Taman Selat Butterworth Berhad dan YBhg. Dato' Hj. Mat Rejab bin Kassim, Pengerusi Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah Berhad. Sesi ini dipengerusikan oleh Pn. Azlifah bt Abas dari MKM.

Program Konvensyen diteruskan lagi dengan sesi forum bertemakan "Isu dan Cabaran Mikro Kredit" yang mengemukakan dua orang ahli panel jemputan iaitu Pn. Fatimah Nurhaliza bt Mohd Hatta dari Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Bhd. (KOPSYA) dan Tn. Hj. Mansor bin Abu Bakar dari Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Bhd. Sesi forum ini telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Md Roslan bin Hashim, Pengerusi Koperasi Universiti Sains Malaysia Bhd.

Mengakhiri program Konvensyen kali ini, perutusan resolusi Konvensyen telah disampaikan oleh wakil peserta iaitu Tn. Hj. Khozali Junus dari Koperasi Pegawai Kerajaan Daerah Kulim Berhad dan diserahkan kepada YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM, untuk dimurnikan sebagai hasil percambahan idea peserta Konvensyen.



Sebahagian peserta Konvensyen

Memperkasakan Koperasi Menerusi Teknologi e-Pembayaran

Yusnita Othman (Zon Utara)

Pada 6 April 2016 telah berlangsung program Bicara Profesional (BP) anjuran Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Utara di Cinta Sayang Resort, Sungai Petani, Kedah dengan tajuk "Memperkasakan Koperasi Menerusi Teknologi E-Pembayaran". BP ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran seramai 191 orang koperator dari negeri Kedah dan Pulau Pinang. Secara umumnya, program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai kepentingan penggunaan e-pembayaran dalam koperasi menerusi instrumen seperti Interbank, GIRO, FPX, Mobile Banking dan Mobile Point of Sales (MPOS). Di samping itu, peserta juga dapat mengetahui mengenai kadar fi e-pembayaran serta perlindungan kepada pengguna.

Penceramah terdiri daripada tiga orang panel dari Bank Negara Malaysia (BNM) Pulau Pinang dan masing-masing seorang panel dari Bank Muamalat dan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad. Secara keseluruhannya, penerangan yang diberikan oleh semua panel telah memberi banyak manfaat kepada para peserta khususnya tentang kelebihan menggunakan teknologi e-pembayaran dalam koperasi. Antara intipati yang menarik adalah mengenai strategi memacu migrasi ke arah e-pembayaran dalam kalangan organisasi. Dalam hal ini, penerangan memfokuskan kepada jenis-jenis e-pembayaran yang mesra pengguna, kos penggunaan e-pembayaran serta inisiatif yang disediakan oleh BNM. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada tahap keselamatan e-pembayaran yang ternyata

selamat dan sangat efisien untuk dipraktikkan di koperasi kerana ciri-ciri sistem keselamatannya telah dipertingkatkan oleh pihak bank.

Peserta juga berkesempatan mendengar perkongsian pengalaman Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad yang telah menggunakan teknologi e-pembayaran. Perkongsian pengalaman koperasi ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Ir. Mansor bin Musa selaku Pengerusi koperasi. Antara yang dikongsi oleh beliau adalah berkaitan kelebihan teknologi ini dalam mempercepatkan proses dan memudahkan urusan pembayaran koperasi. Beliau turut menyarankan agar koperasi-koperasi lain mempraktikkan e-pembayaran kerana jelas keupayaannya meningkatkan kecekapan koperasi.



Sebahagian peserta Bicara Profesional Memperkasakan Koperasi Menerusi Teknologi e-Pembayaran



**Titah Diraja Kebawah Duli Yang Teramat Mulia
Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj
Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah**

Majlis Pelancaran **Penyuburan Budaya Masyarakat Perniagaan dan Keusahawanan Pahang 2016** oleh Tengku Mahkota Pahang Nur Hafieza Hashim (Zon Timur)

Pemimpin berjiwa rakyat. Itulah ungkapan yang tepat untuk pemimpin yang sentiasa turun padang dan mencemar duli bagi mendekati rakyat jelatanya. Maka, program ramah mesra Kebawah Duli Yang Teramat Mulia (KDYTM) Tengku Mahkota Pahang tidak asing lagi bagi rakyat negeri Pahang. Justeru, program ramah mesra kali ini adalah bersama rakyat di Raub Pahang yang diterajui oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bersama Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang.

Program Penyuburan Budaya Masyarakat Perniagaan dan Keusahawanan Pahang 2016 menjadi tema untuk program ramah mesra ini. Program yang berlangsung pada 23 April 2016, bertempat di Dewan Jubli Raub, Pahang telah disempurnakan perasmianya oleh KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Turut sama hadir dalam majlis perasmian adalah Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin Ab. Moin, Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang, exco kerajaan negeri Pahang, ahli dewan undangan negeri Pahang, pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri Pahang, ketua-ketua agensi / jabatan kerajaan dan juga Encik Mohamad Rasydi Abd Rashid, Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Timur.



Lawatan KDYTM Tengku Mahkota Pahang ke gerai pameran Maktab Koperasi Malaysia

Selain perjumpaan ramah mesra KDYTM Tengku Mahkota Pahang bersama jabatan dan agensi kerajaan serta para usahawan negeri Pahang, pameran produk dan perkhidmatan turut diadakan. MKM Zon Timur tidak melepaskan peluang untuk beramah mesra dengan KDYTM Tengku Mahkota di samping mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh MKM kepada masyarakat khususnya yang berada di sekitar Raub. Seramai sembilan orang warga kerja MKM Zon Timur hadir dalam program tersebut.

Program Penggalakan Koperasi Belia Zon Timur Tahun 2016

Nur Hafieza Hashim (Zon Timur)



Gambar kenangan bersama peserta program

Menyedari kepentingan penglibatan belia dalam gerakan koperasi, pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bersama Kementerian Belia dan Sukan telah merencanakan program penggalakan koperasi dalam kalangan belia bagi tahun 2016.

Program yang dirancang ini adalah bertujuan untuk

- i) Mengetahui pasti belia yang aktif di setiap negeri untuk menubuhkan koperasi dan memantapkan aktiviti koperasi yang sedia ada
- ii) Sebagai medan untuk mempromosikan konsep dan falsafah berkoperasi dalam kalangan belia
- iii) Melahirkan anggota koperasi belia yang bermotivasi serta mempunyai jati diri yang tinggi dalam perniagaan.

Maka, sebagai sebuah institusi yang berfungsi untuk memberi latihan dan pendidikan kepada koperasi di negara ini, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) turut bekerjasama menyalurkan input berkaitan koperasi kepada kumpulan sasaran. Program yang dirancang bermula bulan Mac 2016 sehingga Mei 2016, telah diagihkan kepada beberapa negeri dan zon. Antaranya di Putrajaya, Selangor, Perak, Terengganu, Johor, Sabah dan Sarawak.



Antara belia yang hadir sebagai peserta



Pengendalian sesi oleh Cik Norhazilina Abdul Halim, Timbalan Pengarah MKMZT

MKM Zon Timur telah terlibat untuk program penggalakan koperasi belia yang diadakan di Kuala Terengganu. Program tersebut berlangsung pada 30 April 2016 bertempat di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Terengganu. Kehadiran peserta seramai 50 orang terdiri daripada kalangan belia dan usahawan belia. Fasilitator yang terlibat ialah Cik Norhazilina Abdul Halim, Timbalan Pengarah MKM Zon Timur bersama Cik Maryam Hamidah Mohd Ghazi.

Lawatan Muhibah Koperasi Felda Ulu Tebrau Johor Bahru Berhad

Afizah Abdul Jalal (Zon Selatan)

Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan (MKMZS) mengambil inisiatif dalam memperkasakan pengetahuan dan pengalaman para pegawai latihan MKMZS dengan mengadakan Lawatan Muhibah Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Negeri Johor mempunyai sebanyak 14 buah koperasi yang diiktiraf dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik di Malaysia. Dengan kaedah 'turun padang' ini dapat memberi pengalaman dan pengetahuan secara langsung kepada para pegawai latihan MKMZS mengenai aktiviti-aktiviti perniagaan koperasi. Selain itu, ia adalah sebagai suntikan semangat dan memotivasikan koperasi dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

Lawatan ini diketuai oleh Pengarah MKMZS dan disambut baik oleh Pengerusi Koperasi iaitu Encik Mohamad Aris serta barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang lain. Koperasi ini berada di tangga ke-89 daripada 11,871 buah koperasi di Malaysia dengan perolehan sebanyak RM7,064,981.00. Dalam perjumpaan ini, koperasi juga berkongsi pengalaman mengenai detik-detik hitam yang dilalui koperasi sehinggalah koperasi berjaya disenaraikan dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia.

Selepas sesi perkongsian pengalaman, para pegawai dibawa ke ladang bagi melihat operasi aktiviti perniagaan koperasi. Para pegawai berpeluang melihat dan merasai sendiri proses dan kerja-kerja yang dilakukan dalam pengangkutan buah sawit yang merupakan aktiviti utama koperasi.

Pengalaman ini sangat bermakna kepada para pegawai MKMZS dalam menyampaikan ilmu dan pendidikan kepada koperator dalam kursus-kursus. Selain itu, pegawai MKMZS dibawa melihat stesen minyak Petron yang merupakan penyumbang utama perolehan koperasi, lot-lot kedai dan rumah sewa.

Dengan lawatan ini, para pegawai latihan MKMZS dapat melihat sendiri operasi sesebuah koperasi, kekangan yang mereka hadapi serta peluang-peluang yang wujud untuk menjana lagi pendapatan koperasi. MKMZS menjadikan program ini sebagai lawatan yang wajib dijalankan dan dihadiri oleh semua pegawai latihan bagi tempoh 2 bulan sekali.



Penulis cuba mengangkat buah sawit seberat 15kg dan merasai pengalaman masuk ladang sawit



Stesen minyak Petron dimiliki sepenuhnya oleh Koperasi Felda Ulu Tebrau yang merupakan penyumbang utama perolehan koperasi

Roundtable Discussion Semakan Akta Koperasi 1993

Siti Nuraini Abu Bakar (Zon Selatan)



Ucapan Perasmian dan Taklimat Ringkas Program yang disampaikan oleh Pengarah SKM Cawangan Negeri Johor, En. Muridan bin Elias



Sesi perbincangan dalam kumpulan

Program "Roundtable Discussion Semakan Akta Koperasi 1993 Siri 1" telah diadakan pada 28 Februari 2016 di Hotel Swiss Inn, Johor Bahru. Ia merupakan program anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Johor yang dihadiri oleh wakil dari Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan (MKMZS), wakil dari ANGKASA dan koperator meliputi wilayah Johor Bahru, Kulai, Pontian dan Kota Tinggi. Program ini telah berjalan dengan lancar dan dirasmikan oleh Pengarah SKM Cawangan Negeri Johor, En. Muriddan bin Elias.

Objektif utama program ini adalah untuk membuat penambahbaikan Akta Koperasi yang sedia ada bagi kepentingan gerakan koperasi dan kumpulan yang berkepentingan. Program ini telah dimulakan dengan sesi taklimat ringkas yang disampaikan oleh En. Muriddan bin Elias. Sepanjang program ini berlangsung, peserta telah dibahagikan kepada enam

(6) kumpulan dan setiap kumpulan diketuai seorang wakil dari SKM untuk mencatat dan merekod segala cadangan penambahbaikan daripada ahli kumpulan. Bahagian seksyen yang berbeza diberikan kepada setiap kumpulan untuk dibincangkan dan segala hasil cadangan serta idea dibentangkan kepada semua kumpulan di akhir sesi.

Secara keseluruhannya, program ini amat bermanfaat dan memberi peluang kepada koperator untuk memberikan sebarang cadangan penambahbaikan Akta Koperasi ke arah kepentingan gerakan koperasi sendiri. Selain itu, ia juga sedikit sebanyak dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada koperator berkenaan Akta Koperasi serta pelbagai pengalaman dan ilmu telah diperolehi. Semoga program ini diteruskan lagi pada masa akan datang agar dapat memperkukuh dan meningkatkan gerakan koperasi di dunia.

Seminar

"Coop: Build A Better World"

Sempena Perayaan 100 Tahun Gerakan Koperasi Thailand Dan Perayaan 94 Tahun Hari Koperasi Peringkat Nasional Di Bangkok

Christopher John Baptist (Pengarah MKM Zon Sabah)



“Masanya telah tiba bagi gerakan koperasi di rantau Asia Pasifik berdepan dengan cabaran dan kehendak arus dunia perniagaan masa kini yang semakin rumit dan berdaya saing. Apa yang lebih penting ialah adakah bentuk perniagaan gerakan koperasi di rantau Asia Pasifik hari ini masih lagi relevan atau perlu berubah sesuai dengan kehendak semasa persekitaraan dunia perniagaan?”

Demikianlah intipati ucapan yang telah disampaikan oleh Presiden International Cooperative Alliance (ICA) rantau Asia Pasifik En. Li Chunsheng. Seminar bertema “COOP : BUILDING A BETTER WORLD “ selama tiga hari anjuran The Cooperative League of Thailand (CLT), Cooperative Promotion Department (CPD) di bawah Kementerian

Pertanian dan Koperasi dan International Cooperative Alliance (ICA AP) rantau Asia Pasifik ini telah diadakan pada 05 – 07 Julai 2016 di Hotel S.D. Avenue, Bangkok, Thailand. Seramai 150 koperator dan delegasi dari negara Thailand, Vietnam, Malaysia, Singapura, Jepun, Korea, Nepal, India, Sri Lanka, Bhutan dan Filipina telah menghadiri seminar tersebut.



Penulis (tengah) yang juga merupakan Pengarah MKM Zon Sabah, En. Christopher John Baptist

Meraikan perayaan 100 tahun penubuhan gerakan koperasi Thailand, serta meuar-uarkan kepentingan peranan koperasi kepada ekonomi global dan pembangunan sosial selain untuk bersama-sama dalam kempen koperasi ke arah membangunkan komuniti yang kuat dan mampan menjadi antara objektif utama penganjuran seminar ini. Pada hari pertama dan perasmian seminar ini, Profesor Dr. Kriengsak Chareonwongak dalam ucapan dasar kedua menyentuh tentang teori Dr. Dan Can Do 8E Model, keperluan untuk menerokai pasaran niche, mengamalkan teknologi moden dan inovatif, memahami dan mengamalkan pengurusan risiko, mengamalkan ISO, keperluan menubuhkan kredit luar bandar, mencadangkan ICA menjadi moderator dalam membina dan mengembangkan rangkaian kerjasama perniagaan dalam kalangan anggota ICA dan memanfaatkan rangkaian global sosial.

Seterusnya Pengarah ICA bagi rantau Asia Pasifik, En. Balu Iyer telah menyampaikan ceramah tentang " Introduction of ICA Vision of 2020 : Create A Movement " dan disusuli dengan sidang pleno melibatkan tiga panel iaitu En. Balu Iyer, Pengarah ICA bagi rantau Asia Pasifik, En. C.V. Nathan, Pengerusi Singapore Amalgamated Services Co-operative Organisation (SASCO), Singapura dan Dr. Kouk Donsamran selaku Pengerusi Cooperative League of Thailand (CLT) telah berkongsi pandangan dan pengalaman tentang Peranan Serta Pembangunan Mampan Koperasi Di Asia. Sesi pleno ini dipengerusikan oleh En. Asanee Ratanamalai, bekas Pengarah Esekutif CLT. Pada sebelah malam, peserta seminar diraikan dalam majlis makan malam yang ditaja oleh CPD Kerajaan Diraja Thailand.

Pada hari kedua seminar, 10 negara iaitu Thailand, Jepun, Korea, Vietnam, Singapura,

India, Filipina, Malaysia, Nepal dan Bhutan masing-masing telah menyampaikan ceramah tentang pengalaman setiap negara berkaitan "COOP : Building A Better World". Sesi ceramah ini telah dipengerusikan oleh Presiden ICA kawasan Asia Pasifik, En. Balu Iyer. Daripada ceramah yang disampaikan oleh 10 negara ini, penulis berpandangan bahawa perkongsian oleh Negara Jepun berkaitan dengan "Central Union of Agricultural Cooperatives of Japan (JA Zenchu) oleh En. Takuo Uchiya berkaitan peranan dan sumbangan JA Zenchu kepada anggota-anggotanya serta pembentangan dari Korea berkaitan dengan aktiviti penternakan tenusu oleh En. Ju Wonsik adalah menarik sekali dan kemungkinan untuk adaptasi aktiviti yang dijalankan oleh kedua-dua negara tersebut dalam konteks gerakan koperasi di Malaysia adalah tinggi.

Pada hari terakhir seminar, peserta telah berpeluang melawat kilang beras milik Koperasi Pertanian Klong Luang dan Pusat Seni dan Kraftangan Diraja Bang Sai. Pada sebelah malam pula, peserta seminar telah diraikan dalam majlis makan malam di Sky Hotel iaitu merupakan bangunan dan hotel yang tertinggi di Bangkok. Secara keseluruhannya, rata-rata para peserta telah menimba ilmu pengetahuan dari ceramah dan perkongsian pengalaman daripada penganjuran seminar ini. Penganjuran seminar sedemikian amatlah relevan bagi memenuhi citarasa semasa gerakan koperasi di rantau Asia Pasifik dan perlu diteruskan atau ada kesinambungannya. Ini kerana seminar sedemikian banyak memberi pendedahan, input dan manfaat kepada gerakan koperasi. Dijangkakan negara Vietnam akan menjadi tuan rumah penganjuran seminar ini pada 2017. Jumpa di Vietnam pada tahun hadapan!



Para peserta seminar bergambar di hadapan kilang beras milik Koperasi Pertanian Klong Luang

Lawatan Kerja MKM ke Koperasi Bidang Keberhasilan di Sandakan, Sabah

Yusri Hj. Tarip dan Jaibit Jaudin (Zon Sabah)

Pada 12 – 14 Mei 2016, warga kerja MKM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM telah mengadakan lawatan ke koperasi dalam bidang keberhasilan yang beroperasi di daerah Sandakan, Sabah. Sandakan merupakan bandar kedua terbesar yang terletak di pesisir pantai timur negeri Sabah. Warga kerja MKM yang turut serta dalam lawatan terdiri daripada Pengarah-pengarah Kanan dan Pengarah-pengarah Sektor, Pusat dan Zon MKM. Bandar Sandakan terkenal dengan hasil mahsul laut. Lawatan ini juga bersempena dengan Mesyuarat Akademik MKM Bilangan 3 Tahun 2016.

Tujuan lawatan ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai MKM berkaitan pengurusan dan pentadbiran serta aktiviti koperasi yang terlibat secara langsung dalam bidang keberhasilan pelancongan dan peladangan khususnya yang beroperasi di pantai timur Sabah. Sebanyak empat buah koperasi telah dipilih sebagai destinasi lawatan iaitu Koperasi Pelancongan Mukim Batu Putih Kinabatangan Berhad (KOPEL), Koperasi Pelancongan Komuniti Bilit Kinabatangan Berhad, Koperasi Pembangunan Tanah Sungei Kelayak Sandakan Berhad dan Koperasi Pembangunan Tanah Kampung Karamunting Berhad.

Program bermula pada 12 Mei 2016 dengan ketibaan rombongan seramai 20 orang dari Semenanjung dan Sarawak dan disambut di Lapangan Terbang Sandakan oleh Pengarah MKM Sabah bersama beberapa orang pegawai lain. Semasa lawatan ke koperasi yang dipilih, banyak pengalaman yang telah diperolehi. Antaranya merasai sendiri pengalaman perjalanan menyusuri sungai dan merentas hutan seperti yang ditawarkan di Koperasi Pelancongan Mukim Batu Putih Kinabatangan Berhad (KOPEL) dan Koperasi Pelancongan Komuniti Bilit Kinabatangan Berhad. Koperasi tersebut menjadikan aktiviti melihat keindahan alam semulajadi sebagai aktiviti utama mereka. Pelancong dibawa menyusuri sungai Kinabatangan untuk melihat dari dekat hidupan liar yang terdapat di kawasan tersebut sambil merasai sendiri pengalaman berada di dalam hutan yang jauh daripada kesibukan kota. Selain daripada pakej penginapan "Homestay", KOPEL juga menyediakan pakej penginapan di 'Eco-Camp' kepada pelancong yang gemar melakukan aktiviti di dalam hutan. Koperasi Pelancongan Mukim Batu Putih Kinabatangan Berhad pernah menerima Anugerah Koperasi Negara bagi kategori Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan pada tahun 2013.

Koperasi Komuniti Bilit Kinabatangan Berhad juga mempunyai orientasi aktiviti yang hampir sama dengan KOPEL namun kerana baharu ditubuhkan, produk pelancongan koperasi ini perlu dibangunkan lagi dan amat memerlukan bantuan daripada agensi yang berkaitan. Aktiviti menarik yang boleh diketengahkan termasuklah merentas hutan dan lawatan ke Danau Bilit. Diharapkan koperasi ini boleh berkembang maju dan turut menjadi lokasi tumpuan pelancong pada masa hadapan.

Rombongan MKM juga berkesempatan melawat dua buah koperasi yang menjalankan aktiviti bidang keberhasilan perladangan kelapa sawit iaitu Koperasi Pembangunan Tanah Sungei Kelayak Berhad dan Koperasi Pembangunan Tanah Kampung Karamunting Berhad. Bagi Koperasi Pembangunan Tanah Sungei Kelayak Berhad, disamping perladangan sawit, terdapat usaha untuk mempelbagaikan aktiviti dengan menceburi bidang perniagaan

restoran dan juga penternakan kambing yang dijalankan di atas tanah ladang koperasi sendiri. Manakala Koperasi Pembangunan Tanah Kampung Karamunting Berhad, ia bergantung sepenuhnya kepada aktiviti perladangan sebagai sumber pendapatan utama. Penanaman kelapa sawit dijalankan secara aktif oleh kedua-dua koperasi dengan kerjasama FELCRA.



Lawatan Ke Koperasi Pembangunan Tanah Kg. Karamunting Sandakan Berhad



Lawatan ke Koperasi Pelancongan Mukim Batu Putih Kinabatangan Berhad



Lawatan ke pejabat KPDNKK Sandakan



Lawatan ke Koperasi Pembangunan Tanah Sungei Kelayak Berhad



Lawatan ke pejabat SKM Wilayah Sandakan

Dalam rangka lawatan tersebut juga, Ketua Pengarah MKM diiringi oleh En. Christopher John Baptist, Pengarah MKM Sabah, Puan Najmah Nawawi, Pengarah Kanan dan En. Jaibit Jaudin, Timbalan Pengarah MKM Sabah telah mengadakan kunjungan muhibah ke pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Cawangan Sandakan dan pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) wilayah Sandakan. Kunjungan muhibah tersebut diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara pihak MKM dengan KPDNKK dan SKM demi pembangunan dan kemajuan gerakan koperasi setempat.

Di samping lawatan, anggota rombongan berkesempatan untuk beriadah sambil mengadakan aktiviti tanggungjawab sosial (CSR) melalui kerjasama dengan Jabatan Muzium Negeri Sabah dan Koperasi Pelancongan Mukim Batu Putih Kinabatangan Berhad (KOPEL). Bagi tujuan program CSR tersebut, rombongan MKM telah dibawa melawat sambil mengutip sampah di sekitar kawasan Muzium Agop Batu Tulug, Kinabatangan iaitu sebuah pusat arkeologi di bawah kelolaan Jabatan Muzium Negeri Sabah. Rombongan berpeluang menyumbang kepada kehijauan alam sekitar apabila Ketua Pengarah MKM, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM dan Pengarah MKM Sabah diberi kesempatan untuk menanam pokok di perkarangan muzium. Aktiviti ini membuktikan sokongan MKM terhadap kehijauan dan kelestarian alam semulajadi. Akhir sekali peserta berpeluang untuk mendaki dan merasai pengalaman berada di sekitar gua Batu Tulug yang menyimpan seribu misteri.

Ringkasnya, lawatan oleh rombongan MKM yang diketuai oleh Ketua Pengarah sendiri telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Pengalaman berharga yang diperoleh setiap peserta diharap menjadi

sumber pencetus idea dalam merangka program latihan dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan demi memantapkan lagi peranan MKM sebagai pusat pembangunan modal insan koperasi yang unggul di Malaysia



Aktiviti menanam pokok oleh Ketua Pengarah MKM



Gambar kenangan semasa program CSR di tapak arkeologi Agop Batu Tulug, Kinabatangan



Warga MKM menunjukkan isyarat tangan "60 tahun" menandakan sambutan Jubli Intan MKM ketika sesi bergambar beramai-ramai pada hari terakhir lawatan



Bengkel Solekan Dan Ketrampilan Diri bersama Zurainas Beauty



Bengkel Roti Dan Bun bersama Pn. Jane Willie, Kolej Satt



Bengkel Pembuatan Mi Kuning oleh En. Frank Me-Ol

Indahnya Wanita Bersama MKM

Frank Me-Ol (Zon Sarawak)

Selaras usaha kerajaan dalam memangkinkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan dan perniagaan selain sebagai kaedah pembangunan ekonomi wanita, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Sarawak telah mengambil peluang untuk menganjurkan Bengkel 'Indahnya Wanita Bersama MKM' sempena Karnival Usahawan dan Kepenggunaan KPDNKK di Gedong pada 8 April 2016 yang lepas.

Bengkel selama setengah hari tersebut telah dipecahkan kepada Bengkel Solekan dan Ketrampilan Diri, Bengkel Pembuatan Mi Kuning dan Bengkel Pembuatan Roti dan Bun dengan sasaran peserta adalah dalam kalangan kaum wanita yang berada di kawasan Gedong.

Objektif utama penganjuran bengkel tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada kaum wanita terutamanya mereka yang berada di kawasan Gedong mengenai kaedah solekan dan ketrampilan diri yang berkesan, kaedah pembuatan mi kuning serta roti dan bun. Selain itu penganjuran bengkel berkenaan juga diharap mampu mencetus motivasi kepada kaum wanita di kawasan tersebut untuk terlibat secara lebih serius dalam bidang keusahawanan dan

perniagaan yang berkaitan dengan bengkel yang dianjurkan.

Ketiga-tiga bengkel tersebut telah dijalankan dengan kerjasama pihak luar dan MKM sendiri. Bengkel Solekan dan Ketrampilan Diri telah dikelola dengan kerjasama Zurainas Beauty manakala Bengkel Roti dan Bun telah dijalankan dengan kerjasama Pn. Jane Willie daripada Kolej SATT. Bengkel pembuatan mi kuning pula telah dikendalikan sendiri oleh pegawai latihan MKM Sarawak, En Frank Me-ol.

Penganjuran bengkel telah berjaya menarik penglibatan seramai 166 orang peserta keseluruhannya dengan Bengkel Solekan dan Ketrampilan Diri, Bengkel Pembuatan Roti dan Bun dan Bengkel Pembuatan Mi Kuning masing-masing merekod penyertaan sebanyak 87, 42 dan 37 orang peserta.

Besarliah harapan MKM agar penganjuran bengkel tersebut benar-benar memberi manfaat kepada kaum wanita di sekitar Gedong. Peserta yang terlibat diharap dapat memanfaatkan sepenuhnya ilmu yang telah dipelajari dalam tempoh setengah hari tersebut. Permulaan sebagai usahawan yang berjaya bermula daripada usaha kecil dan diteruskan dengan proses pembelajaran yang berterusan.

Bicara Ilmu Ramadan "Menjelang Usia Bersara"

Mohamad Haswardi Morshidi (Zon Sarawak)

Dalam menyemarakkan bulan Ramadan, Maktab Koperasi Malaysia Zon Sarawak telah mengadakan satu Bicara Ilmu yang bertajuk "Menjelang Usia Bersara". Seramai 200 koperator dari sekitar Kuching, Kota Samarahan dan Serian telah menghadiri diri dalam Bicara Ilmu Ramadan kali ini. Matlamat Bicara Ilmu adalah untuk memberi pemahaman berkaitan usia dan persaraan daripada perspektif Al-Quran dan As-sunnah. Selain itu, ceramah ini memberi pendidikan tentang persediaan persaraan daripada pelbagai aspek. Ia merupakan kali kedua MKM Sarawak mengadakan Bicara Ilmu dalam bulan Ramadan. Ceramah kali ini telah disampaikan oleh Ustaz Syed Mohd Bakri bin Syed Ishak, juara Pencetus Ummah (PU) Musim Ketiga Astro.

Intipati ceramah yang dikongsikan bukan hanya berkisar kepada bersara daripada pekerjaan semata-mata. Bersara ini boleh juga dilihat daripada sudut kehidupan dunia ke dunia selepas mati, bersara daripada hidup di dunia ke alam bazarkh. Selain itu ia berkaitan juga dalam menempuhi alam persaraan kelak; kita harus mempertingkatkan lagi ilmu-ilmu keagamaan dan menjadi individu yang lebih memahami soal akhirat. Turut diketengahkan berkaitan perkahwinan; bagi ibubapa yang masih bekerja mahupun yang telah bersara dan mempunyai anak yang akan berkahwin, permudahkanlah (bukan mempermudah) urusan perkahwinan anak masing-masing. Ini kerana pada masa ini masih ramai pasangan yang sukar untuk berkahwin disebabkan permintaan keluarga pasangan untuk urusan



Kenangan Bersama Penceramah (lima dari kiri) Ustaz Syed Mohd Bakri bin Syed Ishak, juara PU Musim Ketiga Astro

perkahwinan yang memerlukan perbelanjaan besar. Turut disentuh mengenai golongan muda hendaklah membuat persediaan awal seperti mengadakan simpanan yang mencukupi untuk memudahkan urusan di dunia bagi bekalan ke akhirat kelak.

Program MKM Cawangan Sarawak bulan Ramadan kali ini telah disempurnakan majlis penutupannya oleh YB Datuk Haji Mohd Naroden bin Haji Majais, Menteri Muda Perancangan Sumber Sarawak dan Menteri Muda Pembangunan Usahawan Sarawak. Dalam majlis penutupan program tersebut, hadirin telah diperdengarkan dengan bacaan ayat suci Al-Quran, disusuli dengan doa kesyukuran sempena ulang tahun MKM ke-60 dan majlis penyampaian sumbangan daripada beberapa buah koperasi kepada Rumah Amal Nur Murni Batu Kawa. Program ini telah diakhiri dengan majlis berbuka puasa bersama koperator yang hadir ke program Bicara Ilmu tersebut.



Jemputan Kenamaan daripada Agensi KPDNKK



Sumbangan Kepada Rumah Amal Nur Murni Batu Kawa.JPG





Hari Inovasi Maktab Koperasi Malaysia 2016

Wan Nur 'Ain Wan Abd Rahim (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

Hari Inovasi merupakan platform bagi warga Maktab Koperasi Malaysia (MKM) mencari kaedah baru dan mengaplikasikan teknik-teknik penyelesaian masalah dalam melahirkan produk inovasi masing-masing. Justeru, MKM telah membuktikan komitmen terhadap usaha-usaha dalam menyemarakkan lagi budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kerjanya dengan penganjuran Hari Inovasi MKM 2016 pada 7 Mei 2016 di Hotel Copthorne, Cameron Highlands, Brinchang Pahang. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik.

Majlis memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada semua warga MKM yang telah menyumbang idea kreatif dan inovatif dalam pembangunan MKM di samping mengeratkan lagi silaturrahim antara warga kerja MKM. Pertandingan Inovasi ini

telah dimulakan seawal 15 April 2016 dan telah menerima sambutan yang menggalakkan iaitu enam (6) penyertaan kategori individu dan sembilan (9) penyertaan kategori kumpulan.

Selain pertandingan inovasi, MKM juga telah memberi penghargaan kepada warga akademik yang sentiasa bertungkus-lumus dan berusaha mempertingkatkan kualiti latihan dan pendidikan kepada gerakan koperasi. Antaranya Anugerah Pusat Akademik Terbaik 2015 yang dimenangi oleh Pusat Pengurusan Perniagaan, manakala Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Sabah. Selain itu, MKM juga memberi penghargaan kepada kumpulan penyelidik yang telah berjaya membuat penyelidikan yang memberi impak kepada gerakan koperasi dan pemegang taruh dengan tajuk "Pencapaian Kedai Tukar Koperasi : Perspektif Pengurusan Perniagaan dan Kepuasan Pelanggan".

Pada malam itu juga, MKM menzahirkan penghargaan kepada Bahagian Kewangan dan Perolehan dan Bahagian Teknologi Maklumat kerana telah berjaya memperoleh Anugerah Pematuhan SAGA 2015 daripada Jabatan Akauntan Negara.

Anugerah Inovasi kali ini memperlihatkan bahagian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menguasai pertandingan apabila tempat pertama kategori individu dan kumpulan dimenangi oleh kakitangan daripada Bahagian Teknologi Maklumat. Tempat pertama kategori individu bertajuk "Penyediaan Antara Pengguna / Pembangun Sistem Dan Pangkalan Data Bagi Sistem-Sistem Yang Telah Dibangunkan Oleh Vendor". Manakala tempat pertama kumpulan pula bertajuk "Sistem Slip Pengesahan Penyelenggaraan Peralatan ICT Maktab Koperasi Malaysia (E-Slip)".

Pada malam itu, majlis turut memberi penghargaan kepada warga MKM yang telah menabur bakti dan memerah keringat di MKM dengan penyampaian Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa 35, 30, 25, 20, 15 dan 10 tahun.



Penerima Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa 35 tahun, En. Razalie Yusoff



Penerima Khidmat Setia dan Berjasa untuk 30 tahun, Pn. Hasnah Laili Mutasar



Wakil Zon Terbaik dari MKM Sabah, En. Mohammad Pisah Ali



Wakil Bahagian Kewangan dan Perolehan, En. Zulkifli Sedik, menerima penghargaan atas Anugerah Pematuhan SAGA 2015

Anjakan Paradigma Belia Dalam Kepimpinan Koperasi

Siti Hajar Saey (Pusat Pembangunan Komuniti)



Perasmian oleh Ketua Pengarah MKM, YBhg. Prof Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik

Pada 16 Mac 2016, Pusat Pembangunan Komuniti (PPK) telah menganjurkan Bicara Profesional (BP) bertajuk Anjakan Paradigma Belia Dalam Kepimpinan Koperasi. Sasaran peserta bagi BP ini terdiri daripada anggota koperasi dalam kalangan belia dan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta. BP yang diadakan di Kinta Riverfronts Hotel & Suites ini telah dihadiri oleh 92 orang peserta sekitar negeri Perak. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada golongan belia mengenai kepentingan kepimpinan dalam berkoperasi serta membimbing Gen-Y dalam aspek kepimpinan. Ia turut diadakan bagi membuka peluang kepada golongan muda untuk mengenal pasti peluang perniagaan serta melahirkan generasi yang berdaya saing dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

Program Bicara Profesional ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman B. Abdul Razak Shaik. Melalui ucapan beliau, para peserta diingatkan tentang kepentingan berkoperasi bagi golongan belia. Koperasi mampu membantu anggota-anggota untuk meningkatkan sosioekonomi dan meningkatkan pendapatan mereka. Penubuhan koperasi seperti Koperasi Profesional Putrajaya (KOPROJAYA) boleh dilihat sebagai penanda aras kepada koperasi belia yang lain dan kemampuan koperasi ini dipimpin oleh golongan muda dan aktif serta bersemangat dalam menghasilkan sebuah koperasi yang berdaya saing walaupun baru ditubuhkan.

Seterusnya, slot pertama dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Tn Hj Yasim Bin Mohamed, Pengerusi Koperasi Kariah Masjid As Salam Puchong Perdana Berhad yang bertajuk “Memperkasa Gen-Y Dalam Kepimpinan Koperasi”. Pelbagai input yang bermanfaat telah disampaikan, antaranya peranan belia dalam koperasi, peluang yang boleh diambil oleh belia untuk berdaya saing dan sebagainya. Tn. Hj. Yasim turut menekankan kepentingan integriti yang perlu diperkasakan oleh belia dalam memajukan sesebuah koperasi. Para peserta juga dinasihatkan supaya sentiasa kuat dalam menghadapi apa jua rintangan dan sentiasa bersedia menghadapi kesukaran dalam meningkatkan persaingan.

Slot kedua pula disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Saat Bin Hj Ismail, Pengerusi Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad dengan ceramah yang bertajuk “Kepimpinan Belia Dalam Koperasi: Cabaran Realiti Semasa”. Antara input yang diutarakan adalah strategi merebut peluang, kaedah menjadi usahawan melalui koperasi, fokus dengan jenis perniagaan yang ada dan sebagainya. Penceramah juga menyelitkan kisah bagaimana beliau

mentransformasikan Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad daripada berhutang dan hampir tutup sehingga boleh mencatat peningkatan keuntungan setiap tahun. Selain itu juga, para peserta dinasihatkan untuk menggunakan segala peluang yang ada melalui koperasi seperti memperoleh ilmu melalui kursus-kursus di Maktab Koperasi Malaysia, pengurangan cukai melalui koperasi dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, Bicara Profesional “Anjakan Paradigma Belia Dalam Kepimpinan Koperasi” dilihat berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan golongan belia yang melibatkan diri dalam bidang koperasi. Maklum balas positif yang diperoleh daripada para peserta juga boleh diambil sebagai penanda aras agar program yang diadakan kelak berjaya memberi manfaat kepada golongan sasaran yang ingin dicapai. Diharapkan agar segala ilmu yang diberikan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan melahirkan modal insan yang kompeten serta mampu melahirkan koperasi yang diterajui oleh golongan belia dan menjadi contoh kepada koperasi sedia ada.



Prof. Madya Dr. Mohamed Saat Bin Hj Ismail, Pengerusi Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad sedang menyampaikan ceramah



Pn. Roziah Mohamed, Pengarah PPK, menyampaikan cenderamata kepada Tn. Hj. Yasin Mohamed, penceramah slot pertama

Anugerah Kecemerlangan Akademik Program Jangka Panjang MKM

Nor Fadhilah bt Mohd (Pusat Pembangunan Komuniti)

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik merupakan acara tahunan Pusat Pembangunan Komuniti bagi meraikan para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Peniagaan (pengkhususan koperasi) dan Diploma Pengurusan Koperasi yang cemerlang dalam pelajaran pada semester lepas. Seramai 30 orang telah menerima anugerah kecemerlangan akademik ini yang terdiri daripada pelajar diploma semester 4 dan 5, serta 7 orang daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda. Anugerah ini diberikan kepada pelajar yang mendapat Purata Nilai Gred (PNG) melebihi 3.5 dan ke atas. Majlis ini berlangsung pada 10 Mac 2016 bertempat di Auditorium Flamingo yang telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah MKM, YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman b. Abdul Razak Shaik. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Pengarah-pengarah pusat, para pensyarah, warga kerja MKM serta para pelajar program jangka panjang.

Majlis dimulakan dengan penyampaian amanat oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman b. Abdul Razak Shaik. Beliau berharap para pelajar dapat menerapkan budaya cintakan ilmu dalam diri agar terus cemerlang



Para penerima anugerah kecemerlangan akademik (DPK) bergambar bersama Ketua Pengarah dan pengurusan tertinggi MKM serta MKMGH



Penerima anugerah kecemerlangan akademik (BBA) bergambar bersama Ketua Pengarah dan pengurusan tertinggi MKM dan MKMGH

dalam bidang koperasi khususnya serta berfikiran kreatif dan inovatif. Para pelajar juga diingatkan tentang cabaran sebenar setelah tamat pengajian dan lambakan graduan pada masa kini. Beliau mengharapkan para pelajar bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik tetapi perlu menambah ilmu 'soft skill' agar mampu bersaing dengan graduan lain bagi membolehkan para pelajar mencapai impian masing-masing. Selain itu, mereka disarankan agar memastikan kecemerlangan yang dibina dapat dipertahankan bagi mendapat tempat dalam dunia yang kompetitif.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian sijil anugerah kecemerlangan akademik kepada para pelajar. Penyampaian sijil ini juga mampu membakar semangat para penerima anugerah serta para pelajar lain untuk terus menempa kejayaan dalam menuntut ilmu. Selain itu, majlis ini turut disertakan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi Program Bulan Bahasa dan cabutan bertuah kepada pelajar. Secara keseluruhannya, majlis ini diharap dapat memberi impak yang positif dalam diri pelajar agar menjadi modal insan yang cemerlang dalam akademik serta sahsiah diri.



Kem Motivasi Belia Koperasi (Gen-Y)

Hazwani Darmawi (Pusat Pembangunan Komuniti)

Pada 25 April hingga 27 April 2016, Pusat Pembangunan Komuniti (PPK) Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah mengadakan Kem Motivasi Belia di Excel Training & Country Resorts, Lenggeng, Negeri Sembilan yang berlangsung selama tiga hari dua malam. Sasaran peserta terdiri daripada anggota koperasi daripada golongan belia dan pelajar pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Seramai 30 orang peserta telah mendaftar dan menghadiri Kem Motivasi Belia Koperasi ini.

Program ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan kepentingan kerja berpasukan dalam koperasi, mengenal pasti proses dan halangan dalam membuat sesuatu keputusan, memastikan para belia menanam sikap positif dalam menjayakan sesebuah koperasi, mengenali tingkah laku sendiri dan memahami perbezaan sikap antara satu sama lain dalam memupuk semangat kerja berpasukan dan untuk melahirkan belia yang bermotivasi tinggi dan rajin berusaha serta mengetahui cara mengurus serta mentadbir koperasi yang betul dengan mudah.

Program ini dimulakan dengan sesi suai kenal di Kampus Induk MKM, Petaling Jaya dan disambung dengan aktiviti luar di kawasan kem iaitu 'Team Kreatif'. Aktiviti ini dijalankan dengan tugas berkumpulan dan setiap

ketua kumpulan harus memberi idea dan merangka strategi bagi mencungkil idea kreatif mereka. Tugas yang diberikan kepada setiap kumpulan ialah mereka perlu berlari melalui rintangan yang ada dengan selamat sehingga sampai ke garisan penamat. Seterusnya setiap orang perlu menunjukkan cara berjalan yang berbeza dan tidak boleh meniru rakan sebelumnya. En. Megat Zainurul Anuar yang mengetuai sesi ini menyimpulkan bahawa kita tidak boleh menciplak dan menggunakan hasil ciptaan yang telah dipatenkan tetapi perlulah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi melindungi hak ciptaan rekaan sendiri.

Aktiviti malam merupakan latihan dalam kumpulan (LDK) 1 iaitu mengetahui personaliti dalam setiap individu. Setiap peserta perlu menjawab ujian personaliti Myers-Briggs Type Indicator (MBTI) yang berbentuk objektif dan penyelaras Pn. Hazwani Darmawi menerangkan maksud di setiap kategori yang dipilih oleh peserta melalui ujian ini. Peserta dibahagi mengikut kategori kumpulan yang dipilih dan tugas yang diberikan adalah mereka perlu merancang sebuah percutian di Pulau Langkawi dan membentangkannya. Melalui pembentangan ini dapat lihat cara

persembahan yang berbeza mengikut kategori kumpulan. Selain itu, En. Intiran Harikrishnan telah menjalankan satu aktiviti membina sebuah rumah dengan ranting kayu. Aktiviti ini memerlukan seseorang memberi arahan dan tangan perlu diikat manakala rakan kumpulan lain perlu menutup mata dengan kain hitam dan membina rumah berdasarkan arahan ketua yang dilantik. Refleksi aktiviti ini merupakan kepercayaan kepada ketua pasukan kerana ketua lebih mengetahui yang terbaik untuk pasukannya.

Keesokan harinya, program ini diteruskan dengan senaman pagi dan aktiviti luar kedua. Aktiviti luar ini bertajuk "Kepimpinan Dalam Kumpulan" yang diketuai oleh En. Megat Zainurul Anuar dilakukan di kawasan padang bola dan peserta diberikan dua bola besar. Peserta diminta membuat dua kumpulan dan membuat satu bulatan besar. Seterusnya, peserta dari setiap kumpulan perlu menghantar bola kepada rakan sendiri dan dalam masa yang sama perlu menghalang bola pihak lawan sampai kepada rakan mereka. Aktiviti ini menerangkan bahawa dalam perniagaan koperasi terdapat pelbagai persaingan dan ketua perlu memainkan peranan dengan mengatur strategi untuk menjayakan koperasi masing-masing. Aktiviti dalam kumpulan (LDK) 2 diteruskan oleh En. Megat Zainurul Anuar menyampaikan ceramah ringkas mengenai "Transformasi Budaya Kerja Cemerlang" dan aktiviti yang berkaitan ialah membina sebuah bas yang lengkap dalam masa satu jam. Melalui aktiviti ini, peserta perlu memberi idea yang kreatif dan bekerjasama dalam menyelesaikan apa jua masalah agar matlamat koperasi dapat dicapai.

Di sebelah petangnya, Pn. Hazwani menerangkan serba sedikit mengenai pengurusan dalam tadbir urus koperasi bagi aktiviti dalam kumpulan (LDK) 3. Penceramah menerangkan cara menghadapi masalah dan perubahan yang perlu dilakukan bagi sesebuah koperasi bagi menjayakan koperasi masing-

masing. Aktiviti seterusnya disambung oleh En. Intiran Harikrishnan yang menyampaikan Business Model Canvas (BMC) yang memberikan satu pandangan yang menyeluruh bahawa kesemua bahagian perniagaan berkait rapat antara satu sama lain. Peserta diminta mencipta sebuah perniagaan yang baru dengan menggunakan Business Model Canvas dan seterusnya membentangkan kepada peserta lain. Aktiviti luar 3 iaitu jungle trekking ke air terjun dijalankan pada jam lima petang bersama ahli bomba dan melalui aktiviti ini, peserta dapat merehatkan minda dan menghayati keindahan alam sekitar. Pada sebelah malamnya, aktiviti dalam kumpulan (LDK) 4 iaitu 'Penyelesaian Masalah Secara Kritis' dibimbing oleh Pn. Nor Fadhilah Mohd. Penceramah memberikan satu situasi atau permasalahan kepada setiap kumpulan dan peserta perlu berbincang untuk menyelesaikannya. Seorang wakil bagi setiap kumpulan akan menceritakan cara penyelesaian masing-masing.

Hari terakhir bagi kem ini diteruskan dengan aktiviti treasure hunt yang bertajuk "Pemikiran Positif" yang diketuai oleh Pn. Nor Fadhilah Mohd. Terdapat lima checkpoint dalam aktiviti ini dan setiap kumpulan perlu menyelesaikan masalah dengan kreatif dan pantas. Melalui aktiviti ini, peserta harus berfikir positif dalam menyelesaikan permasalahan agar matlamat kumpulan dapat dicapai.

Secara keseluruhannya, Kem Motivasi Belia Koperasi telah berjalan dengan lancar dan memenuhi objektif yang diinginkan. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pn. Roziah Mohamed, Pengarah Pusat Pembangunan Komuniti. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan dan membantu golongan belia terus maju dalam bidang koperasi masing-masing. Melalui pengalaman dan segala ilmu yang dipelajari dari kem ini diharap dapat melahirkan golongan belia yang kompeten dan berdedikasi khususnya kepada gerakan koperasi di Malaysia.

Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi

Di Photon Valley Eco Resort, Hulu Langat

Hanani bt Abdul Rashid (Pusat Pembangunan Komuniti)



Walaupun perlu mengharungi pelbagai cabaran, para peserta Kem tetap ceria. Kiri sekali, En. Afnan Hashim, fasilitator program

Pusat Pembangunan Komuniti MKM telah menganjurkan Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi pada 3 hingga 5 Mei 2016 bertempat di Photon Eco Valley Resort, Hulu Langat, Selangor. Penganjuran kem ini disasarkan kepada golongan belia di bawah umur 40 tahun dari kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Kecil Koperasi (JKK), kakitangan koperasi dan anggota koperasi seluruh Malaysia. Kem ini diadakan untuk memberi kefahaman berkaitan konsep kepimpinan dalam pasukan dan memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan kerja berpasukan dalam koperasi. Selain itu, peserta turut didedahkan dengan cara mengenal pasti proses dan halangan

dalam kepimpinan dalam membentuk jati diri pemimpin di samping mengenali tingkah laku sendiri dan memahami perbezaan sikap antara satu sama lain dalam memupuk semangat kerja berpasukan.

Para peserta dibawa ke Kem Photon Valley Eco Resort setelah sesi pendaftaran dan makan tengah hari selesai di kampus induk MKM. Terdapat lima sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) sepanjang kem berlangsung yang dikelola secara bergilir oleh Cik Norsyeirawani binti Shari dan En Muhammad Afnan bin Hashim. Dalam sesi LDK, peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti berkumpulan yang dapat mengasah bakat dan potensi peserta untuk memimpin.

Berikut adalah senarai LDK yang telah berjaya dijalankan dalam Kem ini:

Perkara	Tajuk
LDK 1	Kita Adalah Kita
LDK 2	Mari Kita Fikir
LDK 3	Ohhh...My Customer
LDK 4	Koperasi Idaman
LDK 5	Pembentangan Kumpulan

Semua aktiviti dalam LDK tersebut adalah untuk mendidik para peserta mengenai sifat amanah, mengasah kemahiran berkomunikasi dalam meyakinkan pelanggan untuk membeli produk yang dihasilkan oleh kumpulan masing-masing, semangat bekerjasama dalam pasukan, berani untuk mengemukakan pandangan dan dalam masa yang sama mampu menerima pendapat dan kritikan peserta lain secara terbuka, selain menimbulkan rasa persaingan antara kumpulan. Semua aktiviti LDK ini dapat dijalankan dengan jayanya hasil kerjasama daripada semua anggota kumpulan.

Selain LDK, aktiviti luar juga dijalankan untuk menguji kesungguhan peserta dalam menghabiskan aktiviti yang diarahkan, cara untuk meningkatkan tahap keyakinan diri dalam pelbagai situasi, menghadapi senario biasa dalam sesebuah koperasi iaitu tahap pematuhan arahan daripada ketua, penerimaan pendapat daripada anggota, gangguan luar serta faktor yang mempengaruhi cara seorang ketua membuat keputusan dan menerapkan semangat kerjasama yang kuat sesama anggota.

Aktiviti luar ini terdiri daripada Obstacles, Water Confident, Menara Pangsa dan juga jungle trekking yang dikelolakan oleh jurulatih Kem yang membawa peserta mendaki ke kawasan air terjun berhampiran dengan tapak Kem.

Secara keseluruhannya, penganjuran Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi yang difokuskan kepada golongan belia ini dilihat telah mencapai objektifnya. Peserta telah didedahkan dengan pelbagai simulasi kepimpinan secara tidak langsung melalui sesi LDK dan pelbagai aktiviti yang dijalankan yang boleh diaplikasikan oleh peserta apabila kembali ke koperasi masing-masing.



Para peserta sedang tekun menjalankan aktiviti Menara Pangsa



Para peserta kem sedang melakukan aktiviti 'Water Confidence'



Hari Integriti dan Inovasi MKM 2016





Kembara Koperasi
PJ - Cameron Highland







Konvokesyen
MKM Ke-20







Pertandingan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah







Program
Cintai Alam



Senarai Kursus Bidang Keberhasilan September 2016

KURSUS	TARIKH
I(D) BL1101 Peluang Perniagaan Buah Tandan Segar (BTS)	05 - 07/09/2016 (3 hari)
I(D) BH1204 Strategi Pembangunan Hartanah (Pembinaan) – Fasa (2)	05 - 07/09/2016 (3 hari)
I(D) BP4204 Penyediaan Kertas Kerja Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK) Aktiviti Pelancongan, Penjagaan Diri Dan Kesihatan	05 - 07/09/2016 (3 hari)
I(L) BK1205 Penyediaan Kertas Kerja Pembiayaan Aktiviti Kredit Format SKM	06 - 07/09/2016 (2 hari)
I(D) BK1206 Pembangunan Manual Prosedur Kerja Aktiviti Kredit	19 - 20/09/2016 (2 hari)
I(D) BR2209 Penyediaan Kertas Kerja Tabung Modal Pusingan (TMP) Stesen Minyak	19 - 21/09/2016 (3 hari)
I(D) BP3201 Membina Blog Dan Pemasaran Online Perniagaan Penjagaan Diri	19 - 21/09/2016 (3 hari)
I(D) BR2201 Perkhidmatan Pelanggan Dalam Pasar Mini	19 - 21/09/2016 (3 hari)
I(L) BK3101 Kepimpinan Keusahawanan Mikro Kredit	20 - 21/09/2016 (2 hari)
Q(L) BR2212 Penggunaan ICT Dalam Pasar Mini Koperasi	20 - 22/09/2016 (3 hari)
I(L) BK2202 Pengurusan Fraud (Salah Laku, Penyelewengan) Aktiviti Perbankan Koperasi	21 - 22/09/2016 (2 hari)
I(D) BH1202 Strategi Pelaburan Dalam Sektor Hartanah – Fasa (2)	26 - 28/09/2016 (3 hari)
I(L) BL3301 Pemprosesan Baja Organik Tinja Haiwan Ternakan & Probiotik Em (<i>Effective Microorganisma</i>)	26 - 28/09/2016 (3 hari)
I(D) BR2302 Pembangunan Pasar Mini Online	26 - 28/09/2016 (3 hari)
I(D) BK1207 Pembangunan Sistem Pinjaman Koperasi Kredit	26 - 30/09/2016 (5 hari)
I(L) BP2204 Penyediaan Pakej Pelancongan Luar Negara (Lawatan Industri Ke Luar Negara)	05 - 07/09/2016 (3 hari)



MALAYSIA
#sehatisejiwa

*Selamat Menyambut
Hari Kebangsaan
Malaysia ke-59*

31 OGOS 2016



Pembiayaan Tunai yang Memberikan Keselesaan untuk Anda



Pembiayaan Peribadi-i Awam

KADAR KEUNTUNGAN YANG RENDAH | TIADA PENJAMIN | KELULUSAN SEGERA*

Pembiayaan peribadi kini lebih mudah dengan Pembiayaan Peribadi-i. Dapatkan pembiayaan sehingga RM200,000*, tempoh bayaran ansuran sehingga 10 tahun dan kadar keuntungan serendah 3.27%* setahun. Nikmatilah akses mudah kepada dana yang diperlukan untuk menguruskan kewangan anda.

*Tertakluk pada terma dan syarat

Maktab Koperasi Malaysia

Kampus Induk

Maktab Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
e-mel: mkm@edu.my
Tel: 03-7964 9000 Faks: 03-7957 0434
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>

Pusat Pembangunan Komuniti / Kolej iCoop

No. 21, Jalan Selangor,
Seksyen 6
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03 -7952 4500
(Pusat Pembangunan Komuniti)
Tel: 03 - 7952 4507 (Kolej iCoop)
Faks: 03 - 7955 0863
e-mel: ppt@mkm.edu.my (Pusat
Pembangunan Komuniti)
info@icoop.edu.my (Kolej iCoop)

MKM Zon Sabah

Tingkat 5, Menara MAA,
Lorong 6 Api Api 1,
Kota Kinabalu
88000, Sabah
e-mel: mkmsabah@edu.my
Tel : 088 - 240 812
Faks: 088 - 241 802

MKM Zon Sarawak

Bangunan Rugayah,
Jalan Song Thian Cheok,
Peti Surat B241
93100 Kuching, Sarawak
e-mel: mkmsarawak@edu.my
Tel: 082 - 230 409
Faks: 082 - 230 405

MKM Zon Selatan

Tingkat 1, Bangunan Kerjasama,
Jalan Dhoby,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
e-mel: mkmcselatan@edu.my
Tel: 07 - 2262 119
Faks: 07 - 2262 125

MKM Zon Utara

No. 1515, Wisma KGMKB
Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar,
Kedah Daruk Aman
e-mel: mkmcutara@edu.my
Tel: 04 - 733 7527
Faks: 04 - 733 7532

MKM Zon Timur

Kompleks Inkubator,
Indera Mahkota 14,
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
e-mel: mkmctimur@edu.my
Tel: 09 - 573 2449
Faks: 09 - 573 2405

Yuran Pengertaaan
5 KM RM 40
TERBUKA

12 KM RM 50
RM 55
KATEGORI KOPERASI

16 OKTOBER 2016 | AHAD
PEKABANGHAN BANGUNAN KPONKK, PUTRAJAYA

Maklumat lanjut:
<http://event.howei.com>

1956-2016
TUNJANG PENDIDIKAN KOPERASI

ANJURAN MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

HADIAH WANG TUNAI (12KM Sahaja)
(Kategori Lelaki dan Wanita)

PERTAMA: RM400
KEDUA: RM300
KETIGA: RM200
KEEMPAT: RM100
KE 5-10: HAMPER BERNILAI RM50